

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS
2023

HARI ISNIN : 16 OKTOBER 2023

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN
(SOALAN NO. 9 HINGGA NO. 55)**

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. KELVIN YII LEE WUEN
[BANDAR KUCHING]**

TARIKH : 16 OKTOBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

DR. KELVIN YII LEE WUEN [Bandar Kuching] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan pelan dan rasional Kerajaan untuk memperkenalkan polisi subsidi bersasar dan apakah inisiatif yang akan dilakukan untuk membantu mereka yang terkesan disebabkan polisi tersebut.

JAWAPAN

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Malaysia memperuntukkan jumlah yang besar dalam belanjawan setiap tahun bagi menampung subsidi dan jumlah ini terus meningkat dari tahun ke tahun. Sejak tahun 2015 sehingga 2023, jumlah subsidi dan bantuan sosial yang ditanggung Kerajaan adalah sebanyak 294.5 bilion ringgit, iaitu 10.9% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan Kerajaan bagi tempoh yang sama. Belanjawan 2024 yang baharu dibentangkan turut memperuntukkan 58.1 bilion ringgit untuk membiayai pelbagai bentuk subsidi dan bantuan kepada rakyat.

Akibat daripada keadaan ekonomi global yang tidak menentu dan pelbagai faktor lain, hutang yang perlu ditanggung Kerajaan terus meningkat dan telah mencecah 1.17 trilion ringgit pada tahun 2023, berbanding 630.5 bilion ringgit pada tahun 2015. Keadaan ini memberi kesan kepada kedudukan fiskal negara.

Kerajaan juga mendapati berlaku ketirisan yang ketara dalam agihan subsidi, contohnya diesel. Kerajaan memperuntukkan sebanyak 1.4 bilion ringgit subsidi diesel bagi tahun 2019, 0.3 bilion ringgit bagi tahun 2020, 3.1 bilion ringgit bagi tahun 2021 dan 20.9 bilion ringgit bagi tahun 2022. Jumlah subsidi diesel ini terus meningkat walaupun tidak berlaku kenaikan mendadak bagi penggunaan kenderaan diesel persendirian dalam tempoh yang sama.

Kerajaan juga menyedari subsidi atau insentif bantuan tunai seharusnya diberikan kepada mereka yang layak. Selain itu, bantuan yang diberikan tidak seharusnya bertindih. Bagi menentukan kumpulan sasaran yang benar-benar layak, Kerajaan telah mengambil inisiatif membangunkan pangkalan data isi rumah yang lebih bersepadu sebagai rujukan berpusat dalam membantu Kerajaan membuat keputusan berasaskan data.

Dalam hubungan ini, Pangkalan Data Utama atau PADU yang dijadual dilancarkan pada bulan Januari 2024 akan mengintegrasikan

data mikro daripada pelbagai agensi Kerajaan bagi mewujudkan profil data semua individu dan isi rumah seluruh rakyat Malaysia. Pelaksanaan PADU dijangka akan meminimumkan pertindanan dari segi pengagihan bantuan dan subsidi oleh pelbagai agensi Kerajaan. Sehingga Oktober 2023, pembangunan sistem PADU telah mencapai 65%.

Hasil penjimatan daripada subsidi bersasar ini akan digunakan Kerajaan untuk menyalurkan bantuan tunai kepada kumpulan isi rumah secara lebih menyeluruh. Dalam masa terdekat, Kerajaan akan membuat keputusan berkenaan mekanisme agihan dan kriteria penerima bantuan tunai ini yang dilakukan dari semasa ke semasa dalam tahun 2024 mengikut jadual yang diputuskan Kerajaan. Untuk itu, keutamaan yang sedang tumpukan oleh Kerajaan ialah memastikan PADU berjaya dibangunkan mengikut jadual.

Kerajaan juga sedar impak ekonomi kepada rakyat setelah pelaksanaan subsidi bersasar. Justeru, Kerajaan akan memberi tumpuan terhadap usaha mengekalkan kuasa beli rakyat. Sasaran Kerajaan ialah manfaat hasil penjimatan subsidi dapat disalurkan dalam bentuk tunai kepada 60% isi rumah Malaysia mengikut kategori dan kelayakan. Kerajaan juga memberi tumpuan kepada usaha meningkatkan pendapatan rakyat melalui dasar makro seperti Gaji Progresif dan membuka lebih banyak peluang kepada rakyat menjana pendapatan tambahan melalui inisiatif yang dilaksanakan oleh pelbagai Kementerian.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI
[PASIR MAS]**

TARIKH : 12 OKTOBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI [PASIR MAS] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan perkembangan proses kerja-kerja naik taraf Mini Stadium Pasir Mas seperti yang telah diluluskan oleh Kerajaan terdahulu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerja-kerja naik taraf Stadium Mini Pasir Mas akan bermula pada bulan September 2024. Projek yang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) ini akan ditender pada bulan Mei 2024 dan dijangka siap pada bulan Disember 2025.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK MATBALI BIN MUSAH (SIPITANG)

TARIKH : 16 OKTOBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

DATUK MATBALI BIN MUSAH [SIPITANG] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan tindakan yang diambil oleh pihak Kementerian terhadap kontraktor yang telah gagal menyiapkan kerja Lebuh Raya Pan Borneo (PBH) seperti yang dijadualkan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan kerja-kerja pembinaan adalah berpandukan penjadualan kerja yang telah dirancang sebelum pembinaan bermula. Walau bagaimanapun, kelancaran kerja-kerja pembinaan di tapak bergantung kepada pelbagai faktor antaranya cuaca yang tidak menentu selain cabaran dari segi proses pengambilan balik tanah serta pengalihan utiliti, di mana situasi ini turut berlaku bukan sahaja untuk projek ini, malah projek-projek Kerajaan yang lain di seluruh negara. Bagi kontraktor yang dikenalpasti gagal untuk menyiapkan kerja tanpa alasan yang munasabah, prosedur sedia ada dan terma-terma kontrak telah menetapkan tindakan yang tegas termasuk amaran dan penamatan kontrak. Namun ini merupakan mekanisme terakhir sekiranya tiada langkah penambahbaikan oleh kontraktor untuk memperbaiki prestasi semasa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kementerian Kerja Raya melalui Pegawai Penguasa (JKR Sabah dan Sarawak) sentiasa meneliti dan memantau dari semasa ke semasa bagi memastikan pelaksanaan projek di tapak mengikut jadual yang telah ditetapkan di samping tidak mengabaikan aspek-aspek keselamatan di sepanjang jajaran projek Lebuhraya Pan Borneo yang sedang dibina.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MUHAMMAD ISMI BIN MAT TAIB
[PARIT]**

TARIKH : 16 OKTOBER 2023

SOALAN

TUAN MUHAMMAD ISMI BIN MAT TAIB [PARIT] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan usaha yang telah dibuat oleh Kementerian sehingga kini bagi mengurangkan kebergantungan terhadap import bahan mentah yang diperlukan bagi sektor pertanian dan penternakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) komited untuk mempertingkatkan pengeluaran secara domestik bagi mengurangkan kebergantungan kepada import bahan mentah seterusnya merapatkan jurang imbalan dagangan (*balance of trade*) sektor agromakanan. Pengimportan sebahagian bahan mentah makanan ini sebenarnya perlu bagi menampung kekurangan dalam pengeluaran tempatan dan memenuhi permintaan dalam negara terutama bagi bahan makanan yang mempunyai kadar sara diri yang masih rendah (daging lembu, daging kambing dan susu) serta bahan mentah yang tidak ekonomik untuk dihasilkan dalam negara.

Sehubungan itu, bagi mengurangkan jumlah import makanan negara, Kementerian melalui jabatan dan agensi giat melaksanakan pelbagai inisiatif dan program mengurangkan kebergantungan import bahan mentah yang diperlukan bagi sektor pertanian dan penternakan berdasarkan strategi yang digariskan dalam Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) seperti berikut:

- (i) **Penggunaan baja dan racun alternatif atau organik** bagi mengurangkan kebergantungan kepada baja sintetik serta menggalakkan petani menggunakan kaedah *Integrated Pest Management* (IPM) bagi mengurangkan penggunaan racun kimia;
- (ii) **Pengeluaran makanan ternakan** melalui Projek Pengukuhan Industri Jagung Bijian. Sebanyak RM13 juta telah diperuntukkan pada tahun 2023 dengan sasaran kawasan penanaman seluas 500 hektar melibatkan 60 peserta terdiri daripada syarikat dan petani. Sehingga kini, sebanyak 187 hektar luas penanaman telah berjaya dicapai;
- (iii) **Pengeluaran rumput napier** melalui Projek Pembangunan Tanaman Makanan Ternakan berjumlah RM8.5 juta. Projek ini melibatkan seramai 214 orang petani dengan keluasan 608 hektar serta pengeluaran hasil berjumlah 15,000 tan metrik;

- (iv) **Pengeluaran buah-buahan dan sayur-sayuran rendah *Self-Sufficient Ratio (SSR)*** seperti cili, kubis dan halia di bawah Program Pengukuhan Keterjaminan Makanan berjumlah RM10 juta. Pada tahun 2023, seluas 166 hektar tanaman cili, 47 hektar tanaman kubis dan 68 hektar tanaman halia melibatkan 266 petani telah mendapat insentif berbentuk *in-kind* bagi meningkatkan pengeluaran sayuran rendah SSR ini;

- (v) **Penambahan kawasan pengeluaran makanan negara** melalui pewujudan enam (6) TKPM baru dan 140 hektar pembangunan tanah-tanah terbiar milik agensi Kerajaan. Di bawah Projek Pembangunan Agro-Food Park baharu, sebanyak RM30 juta telah diperuntukkan bagi tahun 2021-2025 dengan sasaran 600 hektar kawasan baru dibangunkan sebagai TKPM. Manakala pada tahun ini juga, sebanyak RM7 juta diperuntukkan di bawah Program Pengukuhan Keterjaminan Makanan bagi membangunkan tanah-tanah milik agensi dan kerajaan untuk diusahakan dengan tanaman makanan seperti di Lembaga Kemajuan Johor (KEJORA) seluas 40 hektar, Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT) seluas 10 hektar dan Kementerian Pertahanan (MINDEF) seluas 20 hektar; dan

- (vi) **Kajian bagi menghasilkan bahan mentah gantian dari sumber tempatan** berasaskan isirung sawit seperti *palm kernel cake/palm kernel expeller (PKC/PKE)*, dedak beras, mil ikan dan mil ofal ikan, larva *Black Soldier Fly (BSF)*, sisa hampas soya bagi menghasilkan makanan ternakan tempatan.

Justeru, dengan pelaksanaan strategi-strategi ini diyakini dapat menyumbang kepada pengurangan dalam kebergantungan negara kepada import bahan mentah makanan. Selain itu, bagi merapatkan jurang imbalan dagangan (*balance of trade*), Malaysia juga giat mempromosikan dan mengeksport komoditi bernilai tinggi (*High Value Commodity - HVC*) seperti sarang burung walit, ikan hiasan, rumpai laut, herba dan rempah, florikultur, cendawan, madu kelulut, durian, kelapa dan nanas.

NO. SOALAN : 12

Usaha-usaha ini akan diteruskan pada tahun 2024 melalui peruntukan yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri di bawah Belanjawan 2024 dengan peruntukan sebanyak RM400 juta untuk program pengukuhan keterjaminan makanan yang meliputi antaranya:

- (i) RM 150 juta kerjasama dengan kerajaan negeri bagi meningkatkan hasil tanaman dan ternakan;
- (ii) RM 50 juta bagi melaksanakan kaedah baharu perolehan baja secara tender terbuka; dan
- (iii) RM 50 juta untuk membekalkan 50 ribu pesawah dengan baja bio dan organik.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI DR. WEE JECK SENG
[TANJUNG PIAI]**

TARIKH : 16 OKTOBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

DATO' SRI DR. WEE JECK SENG [TANJUNG PIAI] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah Kerajaan bagi menangani isu graduan kejuruteraan terpaksa bekerja luar bidang akibat penawaran gaji kerja bidang kejuruteraan yang tidak setimpal dengan beban tugas.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Kementerian Sumber Manusia mengambil maklum bahawa terdapat graduan bidang kejuruteraan yang terpaksa berkerja di luar bidang akibat penawaran gaji yang rendah dan tidak setimpal dengan beban tugas yang diberikan. Keadaan ini adalah dikategorikan sebagai **guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran** (*skill-related underemployment*).

2. Ia dibuktikan apabila kajian yang dilakukan oleh Lembaga Jurutera Malaysia pada tahun 2021 serta kenyataan media oleh **Yang Berhormat Menteri Kanan Kerja Raya** pada **14 Mac 2022** menyatakan hampir 35 peratus jurutera di negara ini dikenal pasti menerima gaji permulaan di bawah RM2,000 sebulan. Kajian tersebut itu juga menyatakan bahawa kadar kenaikan gaji yang diberi majikan adalah tidak selari dengan kadar inflasi semasa.

3. Sehubungan itu, berdasarkan kajian tersebut, Kementerian Sumber Manusia menggalakkan syarikat-syarikat yang menggaji jurutera menetapkan julat gaji permulaan jurutera tempatan antara **RM2,500 hingga RM3,500 atau kadar lebih tinggi** mengikut kemampuan majikan. Julat gaji ini dicadangkan setelah mengambil kira kadar permulaan gaji pokok maksimum jurutera sebanyak RM3,335.00 yang digariskan dalam Pekeliling Perbendaharaan Malaysia: Kos Perkhidmatan Perunding (PK 3.2) (Pindaan April 2021) dengan cadangan peningkatan gaji setiap tahun sepatutnya dijadikan asas rujukan kepada semua majikan.

4. Penetapan gaji bagi bidang profesional seperti jurutera tertakluk kepada kuasa penawaran dan permintaan dalam pasaran buruh. Kadar gaji yang setimpal dengan taraf pendidikan, kemahiran dan pengalaman boleh dirundingkan dengan pihak majikan melalui kontrak perkhidmatan atau perundingan Perjanjian Kolektif bagi pekerja yang mempunyai kesatuan sekerja.

SOALAN NO: 13

5. Kementerian menggalakkan majikan untuk membayar tambahan gaji kepada pekerja berdasarkan produktiviti selain bayaran gaji pokok. Pendekatan seperti melaksanakan Sistem Upah Yang Dikaitkan Dengan Produktiviti (*Productivity Linked Wage System* - PLWS) yang diperkenalkan oleh Kementerian sejak tahun 1996 bukan sahaja mampu meningkatkan pendapatan pekerja melalui peningkatan produktiviti, malah akan meningkatkan daya saing syarikat kerana dapat mengekalkan kos buruh yang kompetitif.

6. Selain itu, sektor-sektor yang berintensifkan buruh digalakkan beralih kepada penggunaan mekanisasi dan automasi bagi meningkatkan produktiviti seterusnya meningkatkan pendapatan jurutera. Kerajaan juga menggalakkan pelaburan asing yang bersifat teknologi tinggi yang boleh menyumbang kepada kadar gaji yang lebih tinggi kepada jurutera

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KE-15**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' WIRA DR. KU ABD RAHMAN BIN
KU ISMAIL [KUBANG PASU]**

TARIKH : 16 OKTOBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

DATO' WIRA DR. KU ABD RAHMAN BIN KU ISMAIL [KUBANG PASU] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan perancangan jangka pendek dan jangka Panjang Kementerian bagi menjamin kepentingan usahawan dan syarikat Bumiputera serta GLC tidak digadaikan ekoran ratifikasi Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPP)

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sejak Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPP) ditandatangani oleh Malaysia, MITI bersama Kementerian dan Agensi berkaitan, giat melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memastikan kesiapsiagaan Kerajaan, industri dan rakyat dalam meraih manfaat yang optimum dan pada masa yang sama, semua kepentingan, termasuk bagi pihak usahawan dan syarikat Bumiputera serta Syarikat Berkaitan Kerajaan - *Government Linked Companies* (GLC), kekal terjamin susulan daripada pelaksanaan Perjanjian ini.

Bagi mempersiapkan usahawan dan syarikat Bumiputera serta GLC untuk memperoleh manfaat daripada Perjanjian CPTPP, terutamanya dari segi akses pasaran ke negara anggota CPTPP, pelbagai program

jangka pendek mahupun jangka masa panjang telah disusun dan dilaksanakan oleh Kementerian ini. Antaranya termasuklah :

- MITI melalui agensinya iaitu MATRADE telah menganjurkan program-program pembangunan pengeksport dan promosi eksport yang terbuka kepada syarikat tempatan, termasuk usahawan dan syarikat Bumiputera. Bagi tahun 2023, MATRADE mengadakan tujuh belas (17) program promosi eksport yang menasaskan negara anggota CPTPP merangkumi program Pameran Perdagangan Antarabangsa, Program Penyumberan Antarabangsa dan Misi Perdagangan dan Pelaburan. Selain itu, program Padanan Perniagaan (*Business Matching*) oleh MATRADE juga dilaksanakan dengan melibatkan usahawan dan syarikat Bumiputera supaya mereka dapat dipadankan dengan syarikat-syarikat bertaraf global;
- Program Pembangunan Pengeksport untuk Usahawan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) Bumiputera, Wanita dan Belia, yang merupakan program bimbingan secara *hands-on* oleh MATRADE, dilaksanakan agar usahawan PMKS ini berjaya menerokai pasaran antarabangsa dengan meningkatkan pengetahuan dan kebolehan mereka dalam bidang eksport. Program ini merangkumi bimbingan kepakaran, kesediaan, keperluan dan kemampuan untuk mengeksport, termasuk dari segi komitmen pengurusan dan kedudukan kewangan.
- MATRADE juga memfokuskan usaha memudahcara PMKS, termasuk dari kalangan Bumiputera, untuk menembusi pasaran antarabangsa melalui Geran Pembangunan Pasaran (*Market Development Grant - MDG*). Ini merupakan inisiatif fasilitasi eksport dalam bentuk geran bayaran balik (*reimbursable grant*) bagi membiayai kos penyertaan oleh PMKS di dalam Pameran Perdagangan Antarabangsa, Misi Perdagangan dan Pelaburan serta yuran penyenaian di pasaraya luar negara.
- MATRADE juga menawarkan Dana Eksport Perkhidmatan (*Services Export Fund - SEF*) iaitu geran bayaran balik untuk meningkatkan eksport perkhidmatan Malaysia. Inisiatif ini adalah

SOALAN NO : 14

bagi membantu penyedia perkhidmatan Malaysia, termasuk dari kalangan usahawan dan syarikat Bumiputera serta GLC, untuk memperoleh akses pasaran eksport perkhidmatan ke negara-negara anggota CPTPP.

Selain MITI, terdapat juga program galakan eksport yang dijalankan oleh Kementerian dan Agensi yang bertanggungjawab terhadap pembangunan usahawan Bumiputera serta GLC, antaranya:

- Program Pembangunan Vendor (PPV) di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) melalui penyediaan geran bersamaan (*matching grant*) yang bertujuan membantu syarikat vendor Bumiputera mengembangkan pasaran serta mencapai kemampuan mengeksport produk dan perkhidmatan ke pasaran antarabangsa termasuk ke negara anggota CPTPP; dan
- Program Galakan Eksport Bumiputera oleh SME Corp. Malaysia melalui penyediaan geran bersamaan (*matching grant*) khusus untuk syarikat PMKS Bumiputera untuk menggalakkan dan mengukuhkan daya eksport pasaran global.

Selanjutnya, di dalam Bab 17 (Syarikat Milik Kerajaan - *State Owned Enterprises*), Perjanjian CPTPP, Malaysia telah berjaya merundingkan ruang dasar bagi GLC negara untuk terus melaksanakan dasar sosioekonomi dan pembangunan, terutamanya bagi melindungi Bumiputera, sekaligus memastikan agar kepentingan syarikat GLC di bawah Menteri Kewangan (Diperbadankan) [MKD] adalah terjamin di sisi Perjanjian CPTPP.

Bagi terus memperkukuh keupayaan Bumiputera, bermula tahun 2024, Kementerian Kewangan turut mengambil kira elemen Dasar Pemerkasaan Bumiputera dalam penetapan sasaran tahunan Petunjuk Prestasi Utama (*Key Performance Indicator* – KPI) bagi syarikat-syarikat MKD. Indikator berkaitan Bumiputera yang menjadi sebahagian daripada KPI syarikat MKD adalah seperti berikut:

- i) Kelulusan pembiayaan kepada syarikat Bumiputera (khusus bagi syarikat modal teroka dan Institusi Kewangan Pembangunan);
- ii) Perbelanjaan perolehan keseluruhan dengan vendor Bumiputera;
- iii) Jumlah Bumiputera dilatih melalui program syarikat; dan
- iv) Komposisi pekerja Bumiputera dalam syarikat.

Perjanjian CPTPP juga menetapkan pewujudan jawatankuasa-jawatankuasa khas di bawah Bab 17, Bab 21 (Kerjasama dan Pembinaan Kapasiti), Bab 23 (Pembangunan) dan Bab 24 (Perusahaan Kecil dan Sederhana) di bawah Perjanjian CPTPP sebagai platform untuk Malaysia mengadakan usaha kerjasama dengan negara-negara anggota CPTPP. Kerjasama ini boleh mengambil bentuk program pembinaan upaya dan Malaysia boleh mengaplikasikan kerjasama ini bagi mengukuhkan penyertaan usahawan dan syarikat Bumiputera serta GLC di dalam rantai bekalan global secara lebih berkesan.

Perkara-perkara yang telah dinyatakan merupakan antara usaha berterusan Kerajaan bagi menjamin kepentingan usahawan dan syarikat Bumiputera serta GLC terpelihara di bawah Perjanjian CPTPP. Sebagai sebuah Kerajaan yang prihatin dalam menjamin kepentingan rakyat, MITI bersama Kementerian-kementerian yang lain sentiasa bersedia untuk meningkatkan daya usaha dan strategi untuk menjamin kesejahteraan ekonomi setiap lapisan masyarakat Malaysia, termasuklah dari kalangan usahawan dan syarikat Bumiputera serta GLC, susulan pelaksanaan Perjanjian CPTPP.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' MUHAMMAD BAKHTIAR BIN WAN CHIK
[BALIK PULAU]**

TARIKH : 16 OKTOBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

DATO' MUHAMMAD BAKHTIAR BIN WAN CHIK [BALIK PULAU] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan komitmen Kerajaan dalam merapatkan jurang antara masyarakat bandar dan luar bandar serta inisiatif inovasi sosial untuk meningkatkan kualiti kehidupan orang yang berpendapatan rendah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa memberi fokus utama merapatkan jurang pembangunan antara bandar dan luar bandar. Usaha ini adalah penting bagi mencapai pertumbuhan ekonomi yang lebih saksama dan mampan dalam rancangan-rancangan pembangunan negara termasuk Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas (KSP RMKe-12), 2021 – 2025.

Dalam hubungan ini, langkah untuk memperluas penyediaan infrastruktur dan perkhidmatan, memanfaatkan potensi ekonomi luar bandar dan memperkukuh tadbir urus akan diambil. Strategi ini akan menyumbang kepada pengurangan jurang pendapatan luar bandar dan bandar daripada 0.57:1 pada tahun 2022 kepada 0.67:1 pada tahun 2025.

Kesalinghubungan antara kawasan luar bandar dan bandar akan ditambah baik untuk meningkatkan ketersambungan dan mobiliti bagi menggalakkan lagi integrasi ekonomi. Perkhidmatan pengangkutan di kawasan luar bandar seperti bas, perkhidmatan pengangkutan air dan e-panggilan akan dipertingkatkan. Akses kepada Internet akan ditambah baik untuk mempertingkatkan ketersambungan di kawasan luar bandar. Dalam hubungan ini, liputan jalur lebar di bawah Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) akan diperluas bagi memastikan sasaran 100% liputan Internet di kawasan berpenduduk pada tahun 2025 tercapai. Inisiatif ini akan meningkatkan ketersambungan Internet, seterusnya memudah cara aktiviti sosioekonomi dan pengembangan perniagaan melalui platform digital.

Pusat Komuniti Desa (PKD) sebagai hab perkhidmatan di kawasan luar bandar akan dimanfaatkan untuk mempromosi dan memasarkan produk kotej luar bandar bagi akses pasaran yang lebih baik. Ekosistem keusahawanan dan ekonomi digital luar bandar akan ditambah baik bagi meningkatkan kapasiti perniagaan di kawasan luar bandar.

Kerajaan juga sentiasa komited untuk memastikan agenda menangani kemiskinan dan pembangunan inklusif dilaksanakan bagi meningkatkan kesejahteraan dan pendapatan rakyat. Beberapa strategi jangka sederhana dan panjang untuk menangani kemiskinan dan ketidaksamarataan dari pelbagai dimensi akan terus ditumpukan. Ini termasuklah meningkatkan pendapatan, mewujudkan peluang pekerjaan bagi meningkatkan taraf hidup golongan miskin, peningkatan akses kepada sokongan sosial seperti pendidikan dan kesihatan serta perumahan bagi mengekalkan tahap kualiti hidup tertentu serta meningkatkan daya tahan dan kesejahteraan isi rumah miskin.

Bagi merapatkan kesenjangan antara wilayah, penambahbaikan infrastruktur penduduk desa akan terus diberi keutamaan dibawah Bajet 2024 antaranya seperti berikut;-

1. 1.63 bilion ringgit disediakan bagi membina dan menaik taraf jalan di kampung dan desa,
2. 939 juta ringgit untuk menyediakan bekalan air kepada 5,150 buah rumah dan bekalan elektrik kepada 2,200 buah rumah; dan
3. 100 juta ringgit bagi menaik taraf, membina dan membaik pulih kemudahan asas seperti dewan, balai raya, dataran kejat serta laluan berbumbung di kawasan desa dan pedalaman di bawah Projek Ameniti Sosial.

Di samping itu, melalui pendekatan keseluruhan negara, Kerajaan Negeri, sektor swasta serta pertubuhan antarabangsa dan masyarakat sivil turut memainkan peranan penting dalam pembasmian kemiskinan tegar. Sebagai contoh, Bajet 2024 telah menekankan komitmen Kerajaan dalam menangani pelbagai isu rakyat di lapangan dengan memperuntukkan 100 juta ringgit untuk terus menyokong usaha yang diambil oleh NGO dan pertubuhan masyarakat sivil termasuk Yayasan Hasanah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN FATHUL HUZIR BIN AYOB [GERIK]

TARIKH : 16 OKTOBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

TUAN FATHUL HUZIR BIN AYOB [GERIK] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan langkah Kementerian bagi memajukan jalan-jalan sekitar luar bandar terutamanya jalan yang menuju ke perkampungan Orang Asli pedalaman di kawasan Gerik seperti Pulau Tujuh, Kg. Ciong, Sungai Kelat, RPS Dala dan RPS Kemar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan mengambil maklum tentang keperluan jalan perhubungan yang selamat dan kondusif di perkampungan Orang Asli (KOA) yang terletak di kawasan luar bandar khususnya kawasan pedalaman seperti di daerah Hulu Perak.

Justeru sepanjang Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) Kerajaan telah meluluskan peruntukan berjumlah RM250 juta bagi pelaksanaan kerja-kerja membina, menaiktaraf, membaikpulih dan menyelenggara jalan di perkampungan Orang Asli.

Sehubungan dengan itu, daripada jumlah tersebut sebanyak RM121 juta diperuntukkan bagi melaksanakan dua (2) projek iaitu Jalan Perhubungan Desa di perkampungan Orang Asli Hulu Perak iaitu projek Jalan Perhubungan Desa (JPD) Dari Kampung Orang Asli (KOA) Gentes Ke RPS Kemar, Hulu Perak dengan kos RM94 juta dan projek JPD Dari Felda Tawai Ke RPS Dala, Hulu Perak dengan kos RM27 juta.

Pada ketika ini KKDW dalam peringkat perolehan bagi projek JPD KOA Gentes – RPS Kemar. Manakala bagi projek JPD Felda Tawai – RPS Dala pula, kontraktor pelaksana telah dilantik dan dijangka siap pada tahun 2026.

Pelaksanaan projek ini dijangkakan akan dapat meningkatkan kualiti hidup masyarakat Orang Asli di daerah Hulu Perak dan memudahkan sistem penyampaian kerajaan di kawasan berkenaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AZLI BIN YUSOF [SHAH ALAM]

TARIKH : 16 OKTOBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

TUAN AZLI BIN YUSOF [SHAH ALAM] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mewujudkan satu Suruhanjaya Padi dan Beras Negara bagi memastikan keterjaminan makanan dapat dicapai pada tahap maksimum memandangkan tanggungjawab penghasilan padi dan beras adalah di bawah Kerajaan Negeri selaku pemilik dan pengawal selia tanah-tanah pertanian.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, langkah untuk mewujudkan satu Suruhanjaya Padi dan Beras Negara perlu dibincangkan secara bersama dengan Kementerian Kewangan, Kementerian Ekonomi dan Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Buat masa ini, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan melalui jabatan dan agensi pelaksana seperti Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Jabatan Pertanian Malaysia (DOA), Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA), Lembaga Kemajuan Pertanian Kembu (KADA) dan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) bertanggungjawab dalam memastikan pelaksanaan aktiviti-aktiviti utama di bawah subsektor padi dan beras mencapai tahap optimum. Dalam perkara ini, ianya menjadi tanggungjawab semua pihak termasuklah Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri bagi meningkatkan penghasilan padi dan beras sekaligus menjamin bekalan beras juga mencukupi setiap masa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHD SYAHIR BIN CHE SULAIMAN
[BACHOK]**

TARIKH : 16 OKTOBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

TUAN MOHD SYAHIR BIN CHE SULAIMAN [BACHOK] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk "memasyarakatkan" penggunaan data dan statistik rasmi yang dikeluarkan oleh pihak Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) secara lebih meluas, bukan sahaja dalam bidang ekonomi, termasuk dalam bidang pentadbiran, pendidikan, kesihatan dan kebajikan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sebagai agensi penjana utama statistik negara berfungsi untuk mengumpul, mentafsirkan dan menghebahkan perangkaan bagi tujuan pembentukan dan pelaksanaan dasar-dasar kerajaan serta keperluan pihak berkuasa dan keperluan pengguna berkaitan.

DOSM menerbitkan pelbagai penerbitan statistik mengikut kategori ekonomi dan sosial secara berkala seperti bulanan, suku tahunan, tahunan yang dihebahkan melalui portal dan media sosial bagi memastikan pihak yang berkepentingan dapat mencapai maklumat tersebut lebih mudah. Antara indikator utama ekonomi yang disebarkan adalah kadar inflasi, kadar pengangguran, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), Imbangan Pembayaran, penemuan banci dan survei dan lain-lain statistik semasa. Manakala indikator sosial antaranya kependudukan, demografi, jangka hayat, My Local Stats, Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia dan Statistik Siswazah. DOSM mengeluarkan penerbitan statistik ini yang dihebahkan melalui portal dan media sosial DOSM berdasarkan *Advance Release Calendar* yang telah ditetapkan. Medium penyebaran statistik ini yang telah dilaksanakan adalah *Stats Alert*, infografik, *newsletter*, montaj, kenyataan media melalui media sosial DOSM di Facebook, X (Twitter), Instagram, WhatsApp, Tik Tok, YouTube serta portal Jabatan (www.dosm.gov.my).

Di samping itu, hebahan kepada Kementerian/jabatan/agensi melalui Pegawai Perhubungan Awam juga dibuat melalui emel. Pemakluman siaran ini juga dihebahkan menerusi emel rasmi Ketua Perangkawan Malaysia kepada kementerian, agensi kerajaan, institusi pengajian dan sekolah. Maklumat ini jua boleh diakses melalui portal OpenDOSM (www.open.dosm.gov.my).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM
[SUNGAI SIPUT]**

TARIKH : 16 OKTOBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM [SUNGAI SIPUT] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah permohonan calon-calon yang berkelayakan bagi pengambilan sesi September 2023 ke universiti awam. Perincian jumlah calon yang telah ditawarkan mengikut jurusan dan universiti awam.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada Sesi Akademik 2023/204, UPUOnline® menerima **118,143 permohonan** daripada calon lepasan STPM/Setaraf ke program pengajian Sarjana Muda Universiti Awam dalam pelbagai bidang.
2. Daripada jumlah permohonan tersebut, **kejayaan penawaran** adalah sebanyak **70,156** dengan kadar kejayaan sebanyak **74.25%** daripada **95,259 permohonan layak**.
3. Secara umumnya, setiap pemohon yang layak boleh membuat sehingga maksimum 12 pilihan program pengajian berdasarkan kelayakan mereka.

4. Jumlah dan peratus kejayaan penawaran ke Program Sarjana Muda Universiti Awam mengikut bidang National Education Code (NEC) adalah seperti berikut:

- a) Penawaran ke **Bidang program dan kelayakan generik** adalah sebanyak **136**.
- b) Penawaran ke **Bidang pendidikan** adalah sebanyak **4,828**.
- c) Penawaran ke **bidang sastera dan kemanusiaan** adalah **7,839**.
- d) Penawaran ke **bidang sains sosial, kewartawanan dan maklumat** adalah **5,789**.
- e) Penawaran ke **bidang perniagaan, pentadbiran dan perundangan** adalah **17,369**.
- f) Penawaran ke **bidang sains semula jadi, matematik dan statistik** adalah **7,237**.
- g) Penawaran ke **bidang teknologi maklumat dan komunikasi** adalah **5,096**.
- h) Penawaran ke **bidang kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan** adalah **13,990**.
- i) Penawaran **bidang pertanian, perhutanan, perikanan dan veterinar** adalah **1,639**.
- j) Penawaran ke **bidang kesihatan dan kebajikan** adalah **3,390**.
- k) Penawaran ke **bidang perkhidmatan** adalah **2,843**.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : IR. TS. HAJI KHAIRIL NIZAM BIN KHIRUDIN
[JERANTUT]**

TARIKH : 16 OKTOBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin [Jerantut] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan mengapa Jabatan Perhilitan Jerantut hanya mempunyai 1 buah kereta pacuan 4-roda, keahlian anggota yang sedikit, fasiliti pejabat yang kurang selesa serta bilangan perangkap haiwan yang tidak mencukupi sedangkan keluasan Jerantut yang berbukit-bukau dan mempunyai hutan sebesar 378,357.83 hektar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pejabat Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Daerah Jerantut telah ditubuhkan pada tahun 2017 dengan 6 perjawatan yang diketuai oleh seorang Ketua PERHILITAN Daerah dan dibantu oleh 5 orang Pembantu Hidupan Liar. Sebelum pejabat ini ditubuhkan, aduan berkaitan hidupan liar dan operasi penguatkuasaan dijalankan oleh Pejabat Jabatan PERHILITAN Daerah Temerloh dan Pejabat Taman Negara Pahang, Kuala Tahan.

2. Antara tindakan yang telah diambil bagi meningkatkan pelaksanaan tugas Jabatan PERHILITAN di negeri Pahang adalah seperti berikut:
 - a. Mobilisasi kakitangan daripada lain-lain lokasi bagi membantu operasi;
 - b. Mengemukakan permohonan pertambahan perjawatan kepada pihak Jabatan Perkhidmatan Awam untuk pertimbangan;
 - c. Menambah satu unit kenderaan pacuan 4 roda baharu pada 26 September 2023 untuk kegunaan tugas di lapangan khususnya bagi menangani isu konflik manusia dan hidupan liar; dan
 - d. Menambah 13 unit perangkap hidupan liar melalui Program Pembangunan Kawalan, Tangkapan dan Mitigasi Konflik Hidupan Liar Semenanjung Malaysia.

3. Jabatan PERHILITAN juga sentiasa meneliti dari semasa ke semasa keperluan untuk menempatkan lebih ramai anggota Jabatan PERHILITAN dan meningkatkan kemudahan fasiliti serta aset bagi meningkatkan lagi keberkesanan pelaksanaan tugas dan pada masa yang sama memastikan kebajikan anggota terjaga.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI DR. WEE JECK SENG

TARIKH : 16 OKTOBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

DATO' SRI DR. WEE JECK SENG [TANJUNG PIAI] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan kesediaan Kementerian menawarkan subsidi atau biasiswa pelajar cemerlang bagi pelajar lepasan SPM dan STPM melanjutkan pelajaran di Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) dalam negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Secara umumnya, penajaan sama ada dalam bentuk subsidi, biasiswa atau pinjaman kepada pelajar lepasan SPM dan STPM yang cemerlang untuk melanjutkan pelajaran di Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) sememangnya ada ditawarkan oleh pelbagai agensi Kerajaan.
2. Antaranya, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Majlis Amanah Rakyat (MARA) serta pelbagai sektor swasta seperti PETRONAS, Tenaga Nasional Berhad, Khazanah Nasional Berhad, GAMUDA dan lain-lain.
3. Dalam konteks penajaan di bawah KPT, pelajar cemerlang STPM diberikan biasiswa di bawah **Program *MyBrain Science***.
4. Melalui penajaan ini, pelajar cemerlang yang mendapat tajaan berpeluang menyambung pengajian dalam bidang Sains Tulen di **peringkat Ijazah Sarjana Muda sehingga ke peringkat Doktor Falsafah** di Institut Pengajian Tinggi dalam dan luar negara **termasuk di IPTS terpilih** di dalam negara.
5. Sehingga **30 September 2023**, pelajar aktif tajaan *MyBrain Science* adalah seramai **374 orang** iaitu seramai 345 dalam negara dan 29 luar negara.
6. Daripada jumlah ini, seramai 2 pelajar cemerlang yang ditaja sedang mengikuti pengajian di IPTS.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK ALI ANAK BIJU [SARATOK]

TARIKH : 16 OKTOBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

DATUK ALI ANAK BIJU [SARATOK] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan perkembangan status terkini Projek Jambatan Sg Krian yang menghubungkan Pagan - Kupang. Sudahkah proses kajian marin dan trafik dimulai.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Jambatan Menyeberangi Sungai Krian, Saratok, Sarawak telah diluluskan di bawah RMKe-11 dengan kos sebanyak RM76 juta. Skop projek ini adalah membina jambatan konkrit menyeberangi Sungai Krian sepanjang 300 meter dan jalan sepanjang 3 kilometer dengan spesifikasi JKR R2. Agensi pelaksana projek ini adalah JKR Sarawak.

Kajian Marin dan Trafik (*Marine Traffic Risk Assessment*) telah selesai dilaksanakan dan laporan akhir kajian telah dihantar ke Lembaga Sungai-Sungai Sarawak pada April 2023. Bagaimanapun, pihak Lembaga Sungai-Sungai Sarawak masih belum memberi maklum balas secara formal terhadap laporan tersebut dan masih belum menjadualkan sesi pembentangan laporan bagi tujuan kelulusan. Kajian ini penting kerana akan menentukan keperluan rekabentuk jambatan bagi disesuaikan dengan fungsi Sungai Krian sebagai laluan utama bagi kapal yang terdiri daripada baj, *tug boat* dan sebagainya yang beroperasi di hulu sungai.

Projek ini juga sedang dalam proses pembaharuan kelulusan pertapakan daripada Majlis Perancang Negeri (SPA) Sarawak. Projek ini akan dilaksanakan secara reka dan bina serta dijangka dapat ditender pada bulan Disember 2023 tertakluk kepada kelulusan pertapakan dan Lembaga Sungai-Sungai Sarawak diperolehi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU
[TUARAN]**

TARIKH : 16 OKTOBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU [TUARAN] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan berapa bilangan penganggur di seluruh negara dan berapa pula di Sabah, apakah benar penduduk asing telah dimasukkan dalam perangkaan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan data yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia melalui Laporan Survei Tenaga Buruh Suku Kedua Tahun 2023, kadar pengangguran Malaysia pada suku kedua tahun 2023 adalah 3.5% iaitu kekal sama seperti pada suku pertama tahun 2023. Walaupun kadar pengangguran adalah sama, namun jumlah penganggur adalah berkurangan seramai 5,500 orang menjadikan jumlah penganggur pada suku kedua 2023 adalah 581,400 orang.

Walaupun Sabah mencatatkan kadar pengangguran melebihi purata nasional, kadar pengangguran adalah semakin baik pada suku kedua tahun 2023 iaitu 7.5% berbanding 7.7% pada suku sebelumnya. Jumlah penganggur tertinggi telah dicapai pada suku pertama tahun 2022 iaitu seramai 188,300 orang dan telah menunjukkan trend penurunan bermula suku kedua 2022. Suku kedua tahun 2023 telah mencatatkan jumlah penganggur di Sabah seramai 165,600 orang iaitu berkurangan sebanyak 4,200 orang berbanding suku sebelumnya.

Survei Tenaga Buruh yang dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia turut merangkumi tenaga kerja dari kalangan pekerja asing.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK HAJI AWANG BIN HASHIM [PENDANG]

TARIKH : 16 OKTOBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

Datuk Haji Awang bin Hashim [Pendang] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan pencapaian Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) sehingga kini dalam menoktahkan kemiskinan di seluruh negara dan adakah Kerajaan bercadang untuk melanjutkan tempoh berkenaan hingga ke tahun hadapan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Usaha membasmi kemiskinan secara inklusif di negara ini telah bermula sejak tahun 1971 melalui Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan terus diberikan penekanan utama di bawah setiap Rancangan Pembangunan Lima Tahun termasuk di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12).

Program pembasmian kemiskinan ini merupakan satu usaha berterusan yang sentiasa diberi penekanan oleh Kerajaan Perpaduan untuk menggembeng segala sumber bagi mencapai sasaran menoktahkan kemiskinan.

Justeru, Kerajaan Perpaduan beriltizam untuk menoktahkan kemiskinan tegar tanpa mengira latar belakang kaum dan wilayah melalui pendekatan baharu untuk mengatasi kelemahan pelaksanaan lalu bagi meningkatkan keupayaan isi rumah miskin tegar, miskin dan B40 untuk menjana pendapatan tambahan.

Dalam mempergiatkan usaha membasmi kemiskinan, Kementerian Ekonomi melaksanakan Inisiatif Pendapatan Rakyat atau IPR yang merupakan pelengkap kepada program-program pembasmian kemiskinan sedia ada yang telah dilaksanakan oleh pelbagai kementerian dan agensi. Di bawah IPR, templat program dibangunkan dan bantuan secara *in-kind* diberi kepada peserta bagi menyokong dan menggalakkan mereka untuk berniaga dan bekerja untuk menjana pendapatan tambahan secara mampan.

Sebanyak 3 inisiatif rintis telah dilaksanakan di bawah IPR iaitu Inisiatif Usahawan Tani (INTAN), Inisiatif Usahawan Makanan (INSAN) dan Inisiatif Operator Perkhidmatan (IKHSAN). Ketiga-tiga inisiatif rintis ini juga dikenal pasti dapat membantu mengatasi isu utama yang

dibangkitkan pada masa ini seperti isu keterjaminan makanan, peluang pekerjaan dan kos sara hidup yang tinggi.

Pelaksanaan IPR telah mendapat sambutan yang sangat menggalakkan melalui permohonan yang direkodkan menerusi laman sesawang IPR (www.ipr.ekonomi.gov.my). Sehingga 10 Oktober 2023, sejumlah 128,535 permohonan telah diterima. Daripada keseluruhan permohonan ini, sejumlah 48,035 individu daripada kategori berpendapatan rendah layak untuk dipadankan dengan tiga (3) inisiatif ini yang meliputi 20,609 pemohon di bawah Inisiatif Usahawan Makanan (INSAN), 13,013 di bawah Inisiatif Usahawan Tani (INTAN) dan 14,413 pemohon di bawah Inisiatif Operator Perkhidmatan (IKHSAN).

Di bawah Inisiatif Usahawan Tani atau INTAN, sejumlah 1,020 peserta telah diluluskan pelaksanaan program di 16 lokasi berkeluasan 818 ekar di seluruh negara dengan melibatkan kos keseluruhan berjumlah RM92,552,738.

Bagi Inisiatif Usahawan Makanan atau INSAN pula, sejumlah 84 peserta telah mendapat manfaat daripada pelaksanaan program dan berjaya meraih purata jualan harian antara RM150 – RM400. Kementerian Ekonomi telah memuktamadkan proses perolehan perkhidmatan sewaan 4,900 mesin layan diri secara tender terbuka dan telah melantik 8 syarikat tempatan bagi menempatkan mesin layan diri ini di seluruh negara.

Manakala, di bawah Inisiatif Operator Perkhidmatan atau IKHSAN pula, sejumlah 1,032 peserta telah diluluskan pelaksanaan program di dengan melibatkan kos keseluruhan berjumlah RM14,179,320.00.

Selain itu, pendekatan membasmi kemiskinan tegar sedia ada iaitu menerusi pelaksanaan program secara bersasar sama ada secara individu, komuniti atau hibrid juga turut diteruskan berdasarkan profil ketua dan ahli isi rumah miskin tegar serta potensi lokaliti yang dipilih di seluruh negara.

Sehingga kini, sejumlah 1,876 KIR miskin tegar telah diluluskan projek dengan peruntukan sebanyak RM24.7 juta telah dibelanjakan bagi pelaksanaan program ini di seluruh negara. Pelaksanaan pendekatan yang berasaskan kepada konsep lokaliti ini juga turut diperluaskan kepada daerah-daerah yang mempunyai bilangan kadar kemiskinan tegar yang tinggi di seluruh negara.

Kerajaan juga menyedari bahawa kemampanan program membasmi kemiskinan ini berkait rapat dengan aspek pembangunan modal insan para peserta. Kementerian Ekonomi juga melaksanakan program peningkatan kapasiti dan modal insan serta kursus literasi dan pengurusan asas kewangan kepada peserta-peserta IPR yang dilaksanakan di bawah kerjasama strategik dengan universiti awam.

Selain itu, ahli isi rumah (AIR) miskin tegar juga turut dibantu menerusi bantuan berbentuk latihan pembangunan modal insan dan minda serta melalui latihan pendidikan teknikal dan latihan vokasional (TVET) bagi membuka lebih banyak peluang kepada mereka untuk keluar daripada kitaran kemiskinan.

Pelaksanaan program ini akan turut diperluas dari semasa ke semasa bagi memastikan lebih ramai golongan sasaran yang mendapat limpahan manfaat dan seterusnya keluar daripada kepompong kemiskinan menerusi program ini dan program-program pembasmian kemiskinan sedia ada yang dilaksanakan oleh kementerian dan agensi lain.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' VERDON BIN BAHANDA [KUDAT]

TARIKH : 16 OKTOBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

Dato' Verdon bin Bahanda [Kudat] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan jenis geran atau insentif sokongan Kementerian dalam pembangunan infrastruktur pelancongan seperti sokongan modal, kemudahan tandas, jalan raya pelancongan, air dan elektrik. Bagaimanakah khusus untuk pengusaha eko-pelancongan komuniti dan tempatan dapat memanfaatkan bantuan atau sokongan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) sentiasa memberi perhatian kepada ketersediaan infrastruktur dalam menyokong aktiviti sektor pelancongan di seluruh negara. MOTAC sememangnya bekerjasama rapat dengan semua Kerajaan Negeri, terutamanya dalam memastikan kemudahan awam di lokasi-lokasi pelancongan utama di Malaysia berada dalam keadaan terbaik untuk kegunaan para pelancong tempatan mahupun luar negara.
2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2023, MOTAC telah diperuntukan sebanyak RM 63.4 juta bagi membiayai kerja-kerja pemulihan, pemuliharaan, ubahsuai dan naik taraf tempat-tempat

NO. SOALAN : 25

pelancongan di seluruh negara. Kerja-kerja ini meliputi kawasan persekitaran dan struktur bangunan yang disediakan untuk kegunaan pengunjung sebagai tarikan pelancong termasuk aspek keselamatan, keceriaan, kefungisian dan keselesaan pengunjung. Sehingga kini, sebanyak 248 projek telah diluluskan di bawah peruntukan ini dan kerja-kerja penyelenggaraan sedang giat dijalankan.

3. Selain daripada itu, MOTAC juga telah mewujudkan insentif-insentif bagi membangunkan atau menaik taraf produk-produk pelancongan di Malaysia. Insentif yang ditawarkan tersebut adalah Skim Infrastruktur Pelancongan (SIP). SIP diuruskan oleh Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) yang menawarkan skop pembiayaan seperti berikut:

- a. Pembelian tanah, pembinaan bangunan, mesin dan pelbagai asset yang berkaitan dengan pelancongan;
- b. Modal kerja bagi syarikat yang terlibat dalam industri pelancongan; dan
- c. Kerja-kerja pengubahsuaian dan naik taraf yang berkaitan dengan industri pelancongan.

4. Jumlah pembiayaan yang ditawarkan oleh SIP adalah bermula dari RM5 juta sehingga RM100 juta atau sehingga 80% daripada jumlah kos projek yang mana lebih rendah. Tempoh permohonan bagi SIP bermula pada 1 Januari 2019 sehingga 31 Disember 2025 atau tertakluk kepada kesediaan dana.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ SYED
ABDUL FASAL [BUKIT GANTANG]**

TARIKH : 16 OKTOBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

DATO' SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ SYED ABDUL FASAL [BUKIT GANTANG] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah model yang diguna pakai Kerajaan bagi menangani kenaikan kos sara hidup rakyat pada masa kini dan adakah RM1.5 Bilion untuk program tingkatan pendapatan bagi membasmi kemiskinan tegar meliputi perkara asas iaitu kuasa beli rakyat yang sangat terbeban pada masa ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan melalui Majlis Tindakan Sara Hidup Negara sentiasa mempergiat usaha bagi menangani peningkatan kos sara hidup yang menjejaskan kuasa beli dan kesejahteraan rakyat. Dalam hubungan ini, Kerajaan juga melaksanakan beberapa tindakan intervensi yang bersifat jangka masa pendek, sederhana dan panjang.

Bagi jangka masa pendek, pelbagai langkah telah diambil bagi membantu golongan miskin seperti Sumbangan Tunai Rahmah (STR), Sumbangan Asas Rahmah (SARA), subsidi kepada pesawah dan pekebun kecil serta projek pembaikan melibatkan infrastruktur luar bandar dan program pembasmian kemiskinan. Langkah juga turut diambil melalui inisiatif yang diperkenalkan di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) seperti Inisiatif Payung Rahmah dan Jualan Terus dari Ladang yang menawarkan barangan dan perkhidmatan mampu bayar kepada pengguna.

Bagi strategi jangka masa sederhana, pendapatan rakyat dipertingkatkan melalui program-program keusahawanan, peningkatan kemahiran dan latihan kemahiran semula serta penyediaan dasar perlindungan sosial yang komprehensif. Inisiatif ini termasuk menangani peningkatan kos sara hidup di samping meningkatkan kuasa beli, serta mengukuhkan perlindungan sosial.

Bagi strategi jangka masa panjang melalui rangka kerja ekonomi makro, Kerajaan sedang merangka model gaji progresif untuk mempercepat pertumbuhan kadar upah dan menangani isu berkaitan bahagian pampasan pekerja.

Selain itu, Kerajaan juga mengambil inisiatif untuk menyemak semula mekanisme subsidi bersasar bagi memastikan kumpulan sasaran yang

tepat menerima manfaat daripada bantuan Kerajaan secara lebih meluas hasil daripada perbelanjaan fiskal yang berhemat.

Dalam usaha untuk mempertingkatkan, mempelbagai dan melindungi pendapatan golongan miskin tegar dalam mendepani cabaran kos sara hidup yang tinggi, Kerajaan turut melaksanakan pelbagai program penjana pendapatan merentasi pelbagai kementerian dan agensi pelaksana. Antaranya, Program Pemerksaan Ekonomi Komuniti Bandar, Program Peningkatan Pendapatan, Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat untuk penduduk luar bandar dan Program Pembangunan Ekonomi Orang Asli.

Dalam mempergiatkan usaha membasmi kemiskinan, Kementerian Ekonomi melaksanakan Inisiatif Pendapatan Rakyat atau IPR yang merupakan pelengkap kepada program-program pembasmian kemiskinan sedia ada yang telah dilaksanakan oleh pelbagai kementerian dan agensi. Di bawah IPR, templat program dibangunkan dan bantuan secara *in-kind* diberi kepada peserta bagi menyokong dan menggalakkan mereka untuk berniaga dan bekerja untuk menjana pendapatan tambahan.

Sebanyak 3 inisiatif rintis telah dilaksanakan di bawah IPR iaitu Inisiatif Usahawan Tani (INTAN), Inisiatif Usahawan Makanan (INSAN) dan Inisiatif Operator Perkhidmatan (IKHSAN). Ketiga-tiga inisiatif rintis ini dikenal pasti dapat membantu mengatasi isu utama yang dibangkitkan pada masa ini seperti isu keterjaminan makanan, peluang pekerjaan dan kos sara hidup yang tinggi.

Pelaksanaan IPR telah mendapat sambutan yang sangat menggalakkan melalui permohonan yang direkodkan menerusi laman sesawang IPR (www.ipr.ekonomi.gov.my). Sehingga 10 Oktober 2023, sejumlah 128,535 permohonan telah diterima. Daripada keseluruhan permohonan ini, sejumlah 48,035 individu daripada kategori berpendapatan rendah layak untuk dipadankan dengan tiga (3) inisiatif ini yang meliputi 20,609 pemohon di bawah Inisiatif Usahawan Makanan

(INSAN), 13,013 di bawah Inisiatif Usahawan Tani (INTAN) dan 14,413 pemohon di bawah Inisiatif Operator Perkhidmatan (IKHSAN).

Di bawah Inisiatif Usahawan Tani atau INTAN, tumpuan akan diberikan kepada tanaman strategik seperti cili dan jagung bijirin sekaligus mengurangkan kebergantungan kepada bahan mentah import. Kementerian Ekonomi dengan kerjasama Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan bersedia untuk memberikan bantuan berbentuk input dan peralatan moden pertanian, latihan dan khidmat nasihat teknikal serta elaun sara hidup tempoh menunggu penuaian hasil tanaman.

Pelaksanaan Inisiatif Usahawan Makanan atau INSAN pula menggalakkan penjualan makanan berkualiti tinggi pada harga yang berpatutan dan memberi ruang kepada peserta untuk memasarkan produk makanan mereka menggunakan mesin layan diri atau *vending machine* tanpa perlu berhadapan dengan kesukaran untuk mendapatkan permit dan tapak perniagaan.

Melalui Inisiatif Operator Perkhidmatan atau IKHSAN, Kementerian Ekonomi bekerjasama dengan semua kerajaan negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk mewujudkan peluang pekerjaan dengan gaji yang setimpal bagi kerja-kerja pembersihan di premis awam.

Selain itu, pendekatan membasmi kemiskinan tegar menerusi pelaksanaan program secara bersasar sama ada secara individu, komuniti atau hibrid juga turut diteruskan berdasarkan profil ketua dan ahli isi rumah miskin tegar serta potensi lokaliti yang dipilih di seluruh negara.

Kerajaan juga mengambil pelbagai langkah untuk melindungi pendapatan golongan miskin dan miskin tegar daripada jatuh semula ke perangkap kemiskinan. Skim insurans atau takaful mampu bayar akan diperkenalkan bagi melindungi pendapatan isi rumah miskin dan mengurangkan kerentanan pendapatan semasa kejutan ekonomi seperti yang berlaku semasa pandemik Covid-19 yang menyaksikan peningkatan kadar kemiskinan secara mendadak pada tahun 2020.

Usaha untuk menoktahkan kemiskinan bukan sahaja tertumpu kepada aspek peningkatan pendapatan, malah turut meliputi aspek penjagaan kesihatan golongan miskin dan miskin tegar melalui Skim Insurans Kesejahteraan Rakyat (SIKR). Pelan ini ditawarkan kepada KIR miskin dan miskin tegar yang berdaftar dalam sistem eKasih dan telah memberi manfaat kepada 268,887 KIR miskin dan miskin tegar.

Selain itu, bagi memperkukuh aspek perlindungan sosial, Kerajaan sedang melaksanakan kajian kolaboratif dengan United Nations Development Programme (UNDP) yang akan memberi panduan dalam membangunkan dasar perlindungan sosial negara yang terselaras dan inklusif serta mempertingkatkan kerangka dasar Pangkalan Data Perlindungan Sosial (PDPS).

Dalam usaha berterusan untuk mengurangkan beban rakyat, adalah penting untuk mengekalkan dan menangani kesenjangan yang masih wujud bagi memastikan kesejahteraan rakyat terus ditingkatkan dan tidak terkesan dengan isu kos sara hidup yang sentiasa meningkat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN RODIYAH BINTI SAPIEE
[BATANG SADONG]**

TARIKH : 16 OKTOBER 2023

SOALAN

PUAN RODIYAH BINTI SAPIEE [BATANG SADONG] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan status terkini dan cabaran peralihan kepada pelaksanaan program subsidi bersasar sepenuhnya tahun 2024 di mana ianya melibatkan pengkelasan B40, M40 dan T20 dihapuskan secara berperingkat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan akan melaksanakan anjakan besar dengan mensasarkan semula subsidi dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas (KSP, RMKe-12). Bagi menentukan kumpulan sasaran yang benar-benar layak dan mengurangkan *inclusion and exclusion error*, Kerajaan sedang membangunkan pangkalan data isi rumah yang lebih bersepadu sebagai rujukan berpusat. Pangkalan Data Utama (PADU) yang dijadual dilancarkan pada bulan Januari 2024 akan mengintegrasikan data mikro daripada pelbagai agensi Kerajaan bagi mewujudkan profil data semua individu dan isi rumah seluruh rakyat Malaysia. Pelaksanaan PADU dijangka akan meminimumkan pertindanan dari segi pengagihan bantuan dan subsidi oleh pelbagai agensi Kerajaan.

Berdasarkan data daripada PADU, penentuan kumpulan sasaran akan lebih tepat dan memenuhi objektif pelaksanaan sesuatu dasar. Kriteria dalam menentukan kumpulan sasaran akan dilihat daripada pelbagai aspek termasuk pendapatan, bilangan isi rumah dan tanggungan, lokaliti dan jarak ke tempat kerja, serta pemilikan aset seperti rumah, kenderaan dan tanah. Melalui kaedah ini, Kerajaan tidak lagi menumpukan kepada kumpulan pendapatan tertentu misalnya B40, tetapi lebih melihat kepada kewajaran pemberian bantuan berdasarkan kriteria yang ditetapkan. Selain itu, data yang berasaskan *near real time* yang terdapat dalam PADU akan dapat memastikan set data kumpulan sasaran yang terkini dan sentiasa dikemas kini. Selain menilai kelayakan untuk individu dan isi rumah, Kerajaan juga sentiasa mengkaji mengenai keperluan untuk menambah baik pelaksanaan bantuan dan insentif kepada perusahaan kecil dan mikro.

Mengenai mekanisme pelaksanaan pula, pelbagai cadangan sedang dipertimbangkan oleh Kerajaan dan akan diputuskan setelah beberapa *use-case* dijalankan menggunakan data PADU. Walau

bagaimanapun, sebarang keputusan yang diambil oleh Kerajaan akan disampaikan dengan jelas kepada rakyat bagi mengelakkan kekeliruan terhadap perancangan dasar yang dilaksanakan oleh Kerajaan.

Kerajaan berharap melalui pelaksanaan subsidi bersasar ini, rakyat yang benar-benar layak akan menerima bantuan yang sewajarnya. Di samping itu, pelaksanaan inisiatif ini juga akan membantu Kerajaan memperkukuhkan kedudukan fiskal dan mengoptimumkan sumber yang ada. Penjimatan daripada inisiatif pensasaran semula subsidi ini akan dipulangkan kepada rakyat melalui pelaksanaan program dan projek yang lebih memberi manfaat dan benar-benar diperlukan oleh rakyat seperti penambahbaikan dalam penyediaan perkhidmatan sosial serta kemudahan awam termasuk kesihatan, pendidikan, pengangkutan serta keselamatan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI SITI ZAILAH MOHD YUSOFF
[RANTAU PANJANG]**

TARIKH : 16 OKTOBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

Dato' Haji Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan menyatakan kaedah dan strategi yang diguna pakai bagi membasmi miskin tegar yang disasarkan selesai pada hujung tahun 2023 melibatkan seramai 400,000 isi rumah seluruh negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Program pembasmian kemiskinan merupakan satu usaha berterusan yang sentiasa diberi penekanan oleh Kerajaan Perpaduan. Penekanan ini menggambarkan tekad dan isyarat serta komitmen serius Kerajaan untuk menggembeleng segala sumber bagi mencapai sasaran menoktahkan kemiskinan.

Kerajaan menetapkan iltizam untuk menoktahkan kemiskinan tegar dengan segera tanpa mengira latar belakang kaum dan wilayah melalui pendekatan baharu untuk mengatasi kelemahan pelaksanaan lalu bagi meningkatkan keupayaan isi rumah miskin tegar, miskin dan B40 untuk menjana pendapatan secara mampan.

Sehingga 31 September 2023, sejumlah 110,663 Ketua Isi Rumah (KIR) miskin tegar telah direkodkan dalam sistem eKasih. Jumlah tersebut turut meliputi data kemiskinan tegar yang direkodkan di 6 negeri kurang membangun iaitu di Kedah (12,695 KIR), Kelantan (10,370 KIR), Terengganu (6,506 KIR), Perlis (4,038 KIR), Sabah (21,766 KIR) dan Sarawak (24,728 KIR).

Dalam usaha untuk mempertingkatkan, mempelbagai dan melindungi pendapatan golongan miskin tegar, Kerajaan melaksanakan pelbagai program penjanaan pendapatan merentasi pelbagai kementerian dan agensi pelaksana. Antaranya, Program Pemerkasaan Ekonomi Komuniti Bandar, Program Peningkatan Pendapatan, Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat untuk penduduk luar bandar dan Program Pembangunan Ekonomi Orang Asli.

Selain itu, Kerajaan juga melaksanakan beberapa tindakan intervensi yang bersifat jangka masa pendek, sederhana dan panjang.

Bagi tempoh jangka masa pendek, pelbagai langkah telah diambil bagi membantu golongan miskin seperti Sumbangan Tunai Rahmah (STR), Sumbangan Asas Rahmah (SARA), subsidi kepada pesawah dan pekebun kecil serta projek pembaikan melibatkan infrastruktur luar bandar dan program pembasmian kemiskinan yang dilaksanakan oleh beberapa kementerian dan agensi.

Bagi strategi jangka masa sederhana, pendapatan rakyat dipertingkatkan melalui program-program keusahawanan, peningkatan kemahiran dan latihan kemahiran semula, serta penyediaan dasar perlindungan sosial yang komprehensif. Inisiatif ini termasuk menangani peningkatan kos sara hidup di samping meningkatkan kuasa beli, serta mengukuhkan perlindungan sosial.

Bagi strategi jangka masa panjang melalui rangka kerja ekonomi makro, Kerajaan antaranya memperkenalkan model gaji progresif untuk mempercepat pertumbuhan kadar upah dan menangani isu berkaitan bahagian pampasan pekerja supaya lebih adil seperti yang diamalkan di negara maju.

Dalam mempergiat usaha membasmi kemiskinan, Kementerian Ekonomi melaksanakan Inisiatif Pendapatan Rakyat atau IPR yang merupakan pelengkap kepada program-program pembasmian kemiskinan sedia ada yang telah dilaksanakan oleh pelbagai kementerian dan agensi. Di bawah IPR, templat program dibangunkan dan bantuan secara *in-kind* diberi kepada peserta bagi menyokong dan menggalakkan mereka untuk berniaga dan bekerja untuk menjana pendapatan tambahan.

Sebanyak 3 inisiatif rintis telah dilaksanakan di bawah IPR iaitu Inisiatif Usahawan Tani (INTAN), Inisiatif Usahawan Makanan (INSAN) dan Inisiatif Operator Perkhidmatan (IKHSAN). Ketiga-tiga inisiatif rintis ini dikenal pasti dapat membantu mengatasi isu utama yang dibangkitkan pada masa ini seperti isu keterjaminan makanan, peluang pekerjaan dan kos sara hidup yang tinggi.

Pelaksanaan IPR telah mendapat sambutan yang sangat menggalakkan melalui permohonan yang direkodkan menerusi laman sesawang IPR (www.ipr.ekonomi.gov.my). Sehingga 10 Oktober 2023, sejumlah 128,535 permohonan telah diterima. Daripada keseluruhan permohonan ini, sejumlah 48,035 individu daripada kategori berpendapatan rendah layak untuk dipadankan dengan tiga (3) inisiatif ini yang meliputi 20,609 pemohon di bawah Inisiatif Usahawan Makanan (INSAN), 13,013 di bawah Inisiatif Usahawan Tani (INTAN) dan 14,413 pemohon di bawah Inisiatif Operator Perkhidmatan (IKHSAN).

Di bawah Inisiatif Usahawan Tani atau INTAN, sejumlah 1,020 peserta telah diluluskan pelaksanaan program di 16 lokasi berkeluasan 818 ekar dengan melibatkan kos keseluruhan berjumlah RM92,552,738.

Di bawah Inisiatif Usahawan Makanan atau INSAN pula, sejumlah 84 peserta telah mendapat manfaat daripada pelaksanaan program dan berjaya meraih purata jualan harian antara RM150 – RM400.

Manakala, melalui Inisiatif Operator Perkhidmatan atau IKHSAN pula, sejumlah 1,032 peserta telah diluluskan pelaksanaan program di dengan melibatkan kos keseluruhan berjumlah RM14,179,320.00.

Selain itu, pendekatan membasmi kemiskinan tegar menerusi pelaksanaan program secara bersasar sama ada secara individu, komuniti atau hibrid juga turut diteruskan berdasarkan profil ketua dan ahli isi rumah miskin tegar serta potensi lokaliti yang dipilih di seluruh negara.

Sehingga kini, sejumlah 1,876 KIR miskin tegar telah diluluskan projek dengan peruntukan sebanyak RM24.7 juta telah dibelanjakan bagi pelaksanaan pendekatan ini di seluruh negara.

Kerajaan juga menyedari bahawa usaha untuk membasmi kemiskinan ini berkait rapat dengan aspek pembangunan modal insan peserta bagi menjamin kemampanan program. Kementerian Ekonomi juga melaksanakan program peningkatan kapasiti dan modal insan serta kursus pengurusan asas kewangan dan *book keeping* kepada peserta-peserta IPR yang dilaksanakan dengan kerjasama strategik universiti awam.

Dalam usaha berterusan untuk menoktahkan kemiskinan, adalah penting untuk mengekalkan dan menangani kesenjangan yang masih wujud bagi memastikan kesejahteraan rakyat terus ditingkatkan. Kerajaan akan terus bertungkus-lumus membantu KIR miskin tegar untuk keluar daripada cengkaman kemiskinan melalui pewujudan pelbagai peluang pekerjaan berpendapatan tinggi dan pengukuhan perlindungan sosial.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK SERI M. SARAVANAN [TAPAH]

TARIKH : 16 OKTOBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

DATUK SERI M. SARAVANAN [TAPAH] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah usaha serta strategi pihak KSM sebagai Sekretariat Majlis TVET Negara (MTVET) dalam menumpu gerak kerja perkasa TVET agar lebih komprehensif dalam memastikan agenda memartabatkan dan memperkasa Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) terlaksana dan adakah KSM perlu merangka satu perundangan khusus mengenai tadbir urus TVET bagi memastikan keharmonian serta penyelarasan kerjasama merentasi Kementerian.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Bagi memastikan TVET dapat diperkasakan, Kementerian Sumber Manusia melalui Sekretariat MTVET telah mengambil pelbagai usaha dan strategi melalui penyelarasan secara berterusan dalam menambah baik ekosistem dan tadbir urus TVET berpaksikan kepada tiga teras strategi yang digariskan oleh MTVET iaitu **tadbir urus bersepadu dan terselaras, TVET dipacu industri** dan **TVET mencorak masa hadapan**.

2. Bagi merealisasikannya, Kementerian Sumber Manusia selaku Sekretariat MTVET bersama semua pemegang taruh TVET memanfaatkan

SOALAN NO: 29

pelbagai hasil kajian bagi memastikan kebolehlaksanaan dan impaknya terhadap TVET negara secara menyeluruh. Setiap hasil dapatan kajian ini akan dinilai dan inisiatif yang dicadang akan diteliti secara terperinci.

3. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, antara usaha lain, sejajar dengan penumpuan Kerajaan terhadap bidang-bidang ekonomi baharu, MTVET turut **menekankan keperluan rasionalisasi program TVET** secara spesifik di setiap Kementerian berkaitan. Standard dan kurikulum program TVET akan disemak dan ditambah baik dari masa ke semasa untuk memastikan program TVET yang ditawarkan kekal relevan seiring dengan permintaan semasa dan masa hadapan.

4. Penjajaran semula kursus dan kurikulum dengan bidang tumpuan seperti digariskan dalam Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030) perlu dilakukan oleh semua institusi TVET untuk memastikan graduan TVET yang dilatih kekal kompetitif untuk memasuki pasaran pekerjaan nanti.

5. Seterusnya, Kerajaan turut menekankan penglibatan industri dalam pelaksanaan program TVET melalui pemeteraian Memorandum Kerjasama bersama syarikat berkaitan kerajaan dan syarikat swasta. Menerusi inisiatif ini, syarikat berkaitan kerajaan dan syarikat swasta yang dikenalpasti akan terlibat dalam pelaksanaan program TVET merangkumi **skop pembangunan kurikulum dan bahan latihan, sumbangan dan perkongsian peralatan serta kemudahan, khidmat kepakaran dan pembiayaan program latihan.**

6. Bagi tempoh Januari hingga September 2023, sejumlah 45 Memorandum Kerjasama telah dimeterai bagi tujuan pelaksanaan program TVET. Memorandum Kerjasama ini menjadi platform meliputi semua institusi TVET awam di bawah 12 buah Kementerian dengan pihak syarikat berkaitan kerajaan dan syarikat swasta.

SOALAN NO: 29

7. Di samping itu, inisiatif menambah baik ekosistem TVET turut dilakukan dengan melaksanakan Sistem Jaminan Kualiti Tunggal TVET bagi jaminan kualiti program-program TVET yang ditauliah dan diakreditasi oleh dua badan akreditasi utama iaitu Jabatan Pembangunan Kemahiran dan Agensi Kelayakan Malaysia.

8. Melangkah ke hadapan dan selaras dengan strategi Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), pangkalan data raya TVET sedang dibangunkan bagi menyelaraskan dan mengintegrasikan semua data dan maklumat TVET secara menyeluruh merentasi Kementerian dan pemegang taruh TVET. Usaha ini bagi membantu Kerajaan menggubal polisi, membuat pelan strategik dan keputusan dengan lebih tepat dan berkesan berdasarkan fakta dan penghasilan analisis maklumat (*data-driven decision making*).

9. Untuk Makluman Dewan Yang Mulia, empat 4 Akta sedia ada yang memperuntukan elemen berkaitan akreditasi & pentauliahkan program, pensijilan, dan pelaksanaan program TVET, antaranya Akta Pembangunan Kemahiran 2006 (Akta 652), Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007 (Akta 679), Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 (Akta 520), dan Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).

10. Justeru, cadangan untuk merangka perundangan khusus berkaitan tadbir urus TVET perlu diteliti secara cermat dengan mengambil kira pandangan semua pemegang taruh terlibat, serta memerlukan persetujuan secara kolektif bagi memastikan kerelevanannya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI
[KUALA LANGAT]**

TARIKH : 16 OKTOBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI [KUALA LANGAT] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan perancangan jangka panjang yang mampan bagi keterjaminan makanan beras negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak Dasar Pertanian Negara mula dilaksanakan pada tahun 1984 sehinggalah Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0), pelbagai program keterjaminan makanan, terutamanya beras yang merupakan makanan ruji, telah dan sedang dilaksanakan oleh Kerajaan bagi memastikan sekuriti bekalan makanan sentiasa terjamin sepanjang masa. Bagi meningkatkan pengeluaran beras negara, berikut adalah perancangan jangka panjang yang mampan bagi keterjaminan makanan beras negara:

(i) Subsidi Input & Output Pertanian

Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM1.86 bilion pada tahun 2023 dengan lonjakan sebanyak 21.9%

berbanding RM1.5 bilion pada tahun 2022. Bagi input pertanian bersubsidi, jumlah peruntukan sebanyak hampir RM1 bilion telah disalurkan meliputi 60% daripada jumlah kos pengeluaran tanaman dalam bentuk insentif benih padi sah, baja, racun makhluk perosak, pengapuran dan pembajakan. Selain itu, kadar Skim Subsidi Harga Padi (SSHP) telah dinaikkan daripada RM360 kepada RM500 bagi setiap tan metrik padi bersih bermula 9 Ogos 2023. Bagi tempoh jangka panjang, KPKM berhasrat untuk melaksanakan peralihan subsidi input kepada subsidi output bagi menggalakkan pesawah untuk meningkatkan produktiviti pengeluaran padi. Ini akan mewujudkan '*self regulated industry*' secara beransur-ansur yang akan mengurangkan penglibatan dan pemantauan Kerajaan di sepanjang rangkaian pengeluaran padi.

(ii) **Pelaksanaan Program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB)**

Program SMART SBB telah dilaksanakan dengan kerjasama 27 buah Syarikat Peneraju yang terdiri daripada pelbagai Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), koperasi pesawah dan syarikat-syarikat swasta dengan keluasan kawasan penanaman lebih 11,000 hektar dan melibatkan hampir 5,000 orang peserta. Purata pengeluaran hasil padi yang dicapai adalah sekitar 6.0 tan metrik per hektar

(iii) **Program SMART SBB Model Mini Sekinchan**

Peningkatan hasil pengeluaran padi melalui penggunaan jentera terkini seperti jentanam, penggunaan dron pertanian dan pengurusan sawah yang cekap. Projek rintis di Kampung Lat 1000, Perlis di bawah seliaan MADA telah berjaya meningkatkan hasil padi daripada 7 tan metrik per hektar kepada 10.45 tan metrik per hektar.

(iv) **Pemerkasaan Infrastruktur Pengairan Sawah Padi**

Kerajaan turut meluluskan peruntukan projek pengairan sebanyak RM3 bilion bagi menjayakan projek penanaman padi lima musim dalam dua tahun berskala besar dengan

menyediakan infrastruktur seperti sistem pengairan dan jalan di kawasan sawah Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) seluas 201,000 hektar bagi tempoh sekurang-kurangnya tiga tahun;

(v) **Kerjasama Penyelidikan**

KPKM melalui MARDI turut berkerjasama dengan Institut Pengajian Tinggi (IPT) dan badan penyelidikan bagi penghasilan benih padi berkualiti yang boleh dituai dalam tempoh kurang daripada 75 hari, tahap toleransi tinggi dan tahan cuaca ekstrem.

Memandang ke hadapan, Kerajaan akan meluaskan lagi pelaksanaan program SMART SBB terutamanya model Mini Sekinchan ke seluruh negara, menambah keluasan jelapang padi negara terutamanya di Sabah dan Sarawak, meluaskan rangkaian penyelidikan dan pembangunan dengan kerjasama pelbagai pihak seperti Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), institusi pengajian tinggi dan sebagainya. Setiap dimensi keterjaminan makanan perlu dititikberatkan bagi memastikan setiap rakyat mendapat bekalan makanan yang mencukupi dan selamat pada harga yang berpatutan. Justeru, selaras dengan hasrat membangun Malaysia MADANI, adalah menjadi tanggungjawab semua pihak bagi memastikan tahap keterjaminan makanan negara selaras dengan konsep, *Food Security is a Shared Responsibility*.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN ISMAIL
[BANDAR TUN RAZAK]**

TARIKH : 16 OKTOBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN ISMAIL [BANDAR TUN RAZAK] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah kaedah untuk meningkatkan potensi ekonomi rantau serta ekonomi wilayah bagi mengatasi jurang pembangunan ekonomi rentas sempadan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan melalui Kajian Separuh Penggal (KSP), Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) terus komited untuk meningkatkan potensi ekonomi serantau serta ekonomi wilayah. Antara komitmen Kerajaan di dalam KSP RMKe-12 adalah untuk menjadikan Malaysia sebagai hab serantau dan menyokong pengembangan syarikat tempatan. Dalam hubungan ini, Kerajaan akan memperkukuhkan promosi pelaburan, mengkaji semula insentif untuk menggalakkan pelaburan berkualiti, menaik taraf infrastruktur dan meningkatkan pembangunan modal insan bagi memenuhi keperluan pelabur dan Pelaburan Langsung Domestik (DDI) sebagai Petunjuk Prestasi Utama (*Key Performance Indicator*).

Integrasi ekonomi serantau adalah kunci untuk melahirkan syarikat tempatan yang berdaya saing di pasaran antarabangsa. Bagi menjayakan integrasi ekonomi serantau ini, Kerajaan akan terus melaksanakan usaha-usaha untuk menjalinkan hubungan diplomasi perdagangan dan pengaturan strategik dengan negara-negara ASEAN, memudah cara pergerakan barang, modal insan dan perkongsian teknologi serta menyokong pengembangan syarikat Malaysia untuk menembusi pasaran serantau.

Bagi menyokong misi dan usaha ini, keberkesanan sokongan kewangan akan ditingkatkan, terutama dengan memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam global yang merupakan satu daripada inisiatif di bawah Anjakan Besar Kemampanan Fiskal dan Sistem Kewangan. Disamping itu, Kerajaan dalam Ekonomi Madani: Memperkasa Rakyat juga mensasarkan Malaysia sebagai peneraju ekonomi Islam global, jaguh PMKS serantau selain menetapkan negara ini sebagai destinasi pelaburan berdaya saing dan bertaraf global. Kerajaan akan memperkasa sektor perbankan, takaful dan pasaran modal Islam bagi mengukuhkan kedudukan negara sebagai pusat kewangan Islam global. Malaysia juga

akan menerokai dasar dan memperkenalkan instrumen kewangan Islam baharu.

Selain itu, antara usaha yang sedang dilaksanakan oleh Kementerian ini adalah mengkaji penubuhan Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ) yang telah dipersetujui bersama di antara Malaysia dan Singapura di dalam *Joint Ministerial Meeting on Iskandar Malaysia* (JMCIM) Ke-16 pada 14 Julai 2023. Selari dengan Naratif Ekonomi Madani juga, pembangunan Iskandar Malaysia juga akan diperkukuh melalui pewujudan zon khas kewangan bagi meningkatkan daya saing dan menarik pelabur serta pekerja berpengathuan menetap di Malaysia.

Menyedari potensi industri halal dan kelebihan Malaysia dalam industri ini, Kerajaan akan menjadikan Malaysia sebagai Hab Halal Global sepertimana yang dinyatakan dalam KSP RMKe-12. Pada tahun 2022, Malaysia telah merekodkan nilai eksport produk halal berjumlah RM59 bilion dan Kerajaan telah menetapkan sasaran nilai eksport ini akan meningkat kepada RM63.1 bilion pada tahun 2025. Dalam hubungan ini, antara projek berimpak tinggi yang telah dikenal pasti untuk dilaksanakan di kawasan sempadan utara Semenanjung Malaysia adalah pembangunan Kawasan Perindustrian Lembah Chuping di Perlis yang akan menumpukan kepada beberapa kluster utama termasuk industri halal.

Selain itu, strategi dan langkah berterusan lain yang diambil dalam meningkatkan potensi ekonomi wilayah dan ekonomi serantau adalah dengan membangunkan infrastruktur asas seperti jalan, air, elektrik dan internet bagi meningkatkan ketersambungan serta keterhubungan di kawasan yang kurang membangun. Ini bagi mewujudkan serta menggalakkan aktiviti ekonomi untuk berkembang dan barangan serta perkhidmatan dapat digerakkan dengan lebih efisien.

Dalam hubungan ini, YAB Perdana Menteri juga telah mengumumkan peruntukan berjumlah RM1.1 bilion bagi pembangunan kawasan sempadan di Sabah, Sarawak dan di utara Semenanjung Malaysia. Peruntukan ini digunakan bagi mempercepat pembangunan

infrastruktur asas dan keselamatan seperti Kompleks Imigresen, Kastam dan Kuarantin (ICQS), pos keselamatan dan lain-lain. Ini memandangkan kawasan-kawasan ini dilihat masih kurang membangun berbanding negara-negara jiran yang giat membangunkan kawasan sempadan masing-masing.

Dalam masa yang sama, Kerajaan juga akan terus memanfaatkan platform kerjasama sub-serantau sedia ada seperti *Indonesia-Malaysia-Thailand Growth Triangle* (IMT-GT), *Brunei-Indonesia-Malaysia-Phillippines East ASEAN Growth Area* (BIMP-EAGA) dan JMCIM untuk meneroka peluang dan potensi bagi menggalakkan aktiviti ekonomi merentas sempadan dengan negara-negara jiran.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. HAJAH HALIMAH ALI [KAPAR]

TARIKH : 16 OKTOBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan :-

- a) bagaimanakah pihak Kerajaan memastikan kilang-kilang tidak menjadi penyebab pencemaran alam sekitar; dan
- b) apakah tindakan tuntas Kerajaan mengenai sisa buangan kilang di tapak pelupusan haram seperti di Batu 14, Jalan Kapar yang dikatakan telah mencecah hingga 400 tan sampah dan kebakaran sampah ini masih berulang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah melaksanakan strategi yang merangkumi program penguatkuasaan ke atas punca-punca pencemaran yang tertakluk kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127) terutamanya di kilang dan industri.
2. Antara langkah-langkah yang dilaksanakan adalah seperti berikut:
 - (i) mempertingkatkan penguatkuasaan bagi punca-punca yang tertakluk di bawah Akta 127 dan peraturan-peraturan di bawahnya secara berterusan. Sebarang ketidakpatuhan akan diambil tindakan berdasarkan Akta 127 seperti penahanan operasi, kompaun, tindakan mahkamah, tarik atau gantung lesen dan perintah larangan operasi;
 - (ii) mengenal pasti lokasi aduan yang sering dikaitkan dengan pencemaran di bawah Akta 127 supaya penguatkuasaan adalah lebih berfokus;
 - (iii) meningkatkan penggunaan teknologi dalam memantau pematuhan kilang-kilang yang melepaskan efluen seperti menggunakan *drone* dan pelaporan pemantauan alam sekitar secara atas talian; dan
 - (iv) meningkatkan penggunaan data dan maklumat pengawasan kualiti air sungai untuk merancang dan menyusun strategi penguatkuasaan. Pengesanan perubahan kepada kualiti air sungai akan disusuli dengan tindakan penguatkuasaan di lapangan.
3. Selain daripada aspek penguatkuasaan dan pemantauan di bawah Akta 127, Kementerian juga akan mengukuhkan kerjasama melalui pelaksanaan operasi bersepadu dengan agensi-agensi penguatkuasaan yang lain seperti Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan lain-lain agensi yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Seterusnya berhubung isu sisa buangan kilang di tapak pelupusan haram. Seperti sedia maklum, pengurusan sampah atau sisa pepejal adalah diterajui oleh Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT). Untuk makluman, sisa pepejal yang terhasil daripada operasi kilang dikategorikan di bawah sektor industri. Bagi negeri-negeri yang menerima pakai Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 [Akta 672], pengurusan sisa pepejal di sektor komersial, industri dan institusi (CII) adalah tertakluk di bawah Peraturan-Peraturan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Skim bagi Sisa Pepejal Komersial, Perindustrian dan Keinstitusian) 2018 (P.U. (A) 181/2018).

5. Merujuk kepada peraturan ini, pemilik premis (pemilik, penyewa atau badan pengurusan) diwajibkan mengasingkan sisa pepejal, menyediakan tong sisa pepejal yang sesuai, melantik kontraktor berlesen bagi perkhidmatan pemungutan dan menyimpan rekod berhubung perkhidmatan pemungutan. Mana-mana penghasil sisa dari sektor CII yang gagal mematuhi keperluan peraturan ini dan menyebabkan berlakunya pembuangan dan pelupusan secara haram, pihak berkenaan boleh didenda tidak melebihi RM10,000.

6. Berdasarkan semakan pihak Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dengan Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Klang, tanah yang dijadikan sebagai tapak pelupusan haram bukan merupakan tanah milik Kerajaan, tetapi ia merupakan tanah milik Sime Darby Property. PDT Klang telah mengeluarkan Notis 7A (Notis Untuk Memulih Pelanggaran Syarat) dan notis tamat pada 26 Mei 2023. PDT Klang juga telah memberikan kelulusan pelanjutan tempoh remedi tanah kepada pihak Sime Darby sehingga satu tarikh yang akan dimaklumkan.

7. Manakala bagi Majlis Perbandaran Klang, sebanyak 4 operasi pemadaman kebakaran telah dijalankan iaitu pada 17 hingga 20 Mei 2023, 2 Ogos 2023, 4 September 2023 dan 21 September 2023. Setakat ini, tiada sitaan yang dibuat oleh kedua-dua pihak kerana lokasi telah ditutup sepenuhnya. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KE-15**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]
TARIKH : 16 OKTOBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

TUAN TAN KOK WAI [CHERAS] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan mengenai pelaburan USD 10 bilion dari Geely dengan tarikh pelaksanaan, jenis bidang teknologi dan industri terlibat.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-pertua,

Berdasarkan maklumat daripada DRB-Hicom, jumlah keseluruhan pelaburan bagi projek *Automotive High-Tech Valley* (AHTV) di Tanjung Malim bakal mencecah sehingga RM32 bilion bagi tempoh masa sepuluh (10) tahun akan datang yang melibatkan pelbagai pelabur tempatan dan luar negara.

Projek AHTV akan melibatkan pembangunan kemudahan dan teknologi automotif bagi kenderaan cekap tenaga (*Energy Efficient Vehicles- EEV*) terutamanya kenderaan elektrik (*Electric Vehicles- EV*) dan juga kenderaan generasi baharu (*Next Generation Vehicle- NxGV*).

Di samping itu, AHTV akan turut dijadikan sebagai pusat Penyelidikan dan Pembangunan (R&D), pusat pembangunan modal insan dalam bidang kejuruteraan automotif, teknologi maklumat, reka bentuk, kecerdasan buatan (AI) dan pembangunan perisian.

Projek ini dijangka dapat menjadikan AHTV sebagai hab baharu pembuatan untuk pengeluar kenderaan tempatan dan pembekal komponen automotif khususnya komponen dan alat ganti kenderaan EV.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK HAJI AWANG BIN HASHIM [PENDANG]

TARIKH : 16 OKTOBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

DATUK HAJI AWANG BIN HASHIM [PENDANG] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan jumlah libat urus yang diadakan dengan pihak berkaitan untuk melaksanakan dasar gaji progresif bagi menggantikan dasar gaji minimum dan apakah pendekatan digunakan dalam merealisasikan pelaksanaan dasar terbabit.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dasar ini tidak bertujuan untuk menggantikan Dasar Gaji Minimum tetapi merupakan pelengkap kepada Dasar Gaji Minimum. Dasar ini adalah pendekatan secara sukarela di mana majikan boleh mengadakan rundingan dengan pekerja sebelum memutuskan untuk menyertai dasar ini. Dasar ini bertujuan untuk mengukuhkan lagi reformasi gaji pekerja di negara ini.

Sesi libat urus dengan pihak berkepentingan termasuk dengan kementerian/agensi Kerajaan, majikan dan pekerja telah diadakan bermula dari bulan Julai 2023 hingga September 2023 bagi mendapatkan maklum balas mengenai cadangan pelaksanaan Dasar Gaji Progresif. Sesi ini akan dilaksanakan secara berterusan untuk memastikan dasar ini diterima baik oleh semua pihak dan mencapai objektif untuk meningkatkan kadar gaji dan upah serta produktiviti pekerja serta tidak bercanggah dengan dasar perburuhan negara, terutama akta yang berkaitan pekerja.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' INDERA MOHD SHAHAR BIN ABDULLAH
[PAYA BESAR]**

TARIKH : 16 OKTOBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan status rantaian nilai dalam sektor berkaitan tenaga hijau termasuk dari industri tenaga boleh diperbaharui, penstoran tenaga, teknologi nyah karbon, teknologi tenaga baru seperti hidrogen dan sebagainya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Tenaga solar merupakan salah satu sumber tenaga boleh baharu yang paling cepat berkembang di Malaysia bagi penjanaan tenaga bersih, berikutan lokasi Malaysia yang berhampiran garisan khatulistiwa dan penerimaan cahaya matahari yang signifikan. Rantaian nilai untuk tenaga solar termasuk pengeluaran dan pemasangan panel solar, *inverter* dan komponen-komponen lain yang berkaitan. Malaysia merupakan hubbutama pengeluaran komponen solar dengan kehadiran syarikat-syarikat seperti First Solar, Panasonic, Jinko Solar, SunPower, Q-Cells, SunEdison dan lain-lain.
2. Bagi pemasangan sistem solar, sehingga tahun 2021, sebanyak 198 syarikat telah berdaftar dengan Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari Malaysia (SEDA Malaysia) sebagai Penyedia Perkhidmatan PV Berdaftar (RPVSP), manakala 211 syarikat telah berdaftar sebagai Pelabur PV Berdaftar (RPVI). Potensi tenaga solar dijangkakan sebanyak 269GW di seluruh negara.
3. Bagi hidrokuasa, potensi untuk hidrokuasa kecil dianggarkan sebanyak 2.5GW di mana kebanyakan potensi adalah di Semenanjung Malaysia, manakala potensi untuk hidrokuasa besar dianggarkan sebanyak 13.6GW di mana 73% (10GW) dari jumlah tersebut adalah di bahagian tengah dan utara negeri Sarawak. Rantaian nilai hidrokuasa termasuk pembinaan dan penyelenggaraan empangan, turbin, dan infrastruktur yang berkaitan.
4. Malaysia juga mempunyai potensi yang besar untuk menjana tenaga dari sumber biojisim dan biogas disebabkan kewujudan industri pertanian dan minyak sawit yang besar. Jumlah potensi sumber biotenaga di Malaysia termasuk biojisim dan biogas dianggarkan sebanyak 3.6GW. Rantaian nilai untuk sumber ini termasuk pengumpulan sisa, pemprosesan dan penjanaan tenaga. Potensi tenaga angin di Malaysia agak terhad berikutan purata kelajuan angin adalah di bawah 5 m/s.

NO. SOALAN: 35

5. Walau bagaimanapun, beberapa lokasi di Semenanjung Malaysia dan utara Sabah mempunyai kelajuan angin yang lebih tinggi dan berpotensi untuk pemasangan turbin angin. Rantaian nilai untuk tenaga angin termasuk pembuatan dan pemasangan turbin angin, bilah dan komponen-komponen lain.

6. Malaysia juga telah mengenal pasti beberapa kawasan yang berpotensi untuk penghasilan tenaga dari geoterma iaitu di Tawau, Sabah (67MW) dan Ulu Slim, Perak (162MW). Rantaian nilai untuk geoterma termasuk pembuatan dan pemasangan sistem pengeluaran wap panas, turbin dan komponen-komponen lain. Rantaian nilai untuk penyimpanan tenaga merangkumi pengeluaran dan pemasangan teknologi-teknologi berkaitan bateri yang sedang pesat membangun. Pada tahun ini, Sistem Penyimpanan Tenaga Bateri (BESS) tempatan pertama telah dilancarkan.

7. Bagi teknologi nyahkarbon, syarikat-syarikat tempatan seperti TNB dan PETRONAS sedang giat menjalankan kajian, pembangunan dan inovasi. Berdasarkan rekod Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), sektor tenaga boleh baharu pada tahun 2021 melibatkan 76.7% pelaburan domestik (RM2.3 billion) dan 23.3% pelaburan asing (RM0.7 billion), menjadikan jumlah pelaburan diluluskan pada tahun tersebut sebanyak RM3 billion, melibatkan 842 projek.

8. Berdasarkan Pelan Hala Tuju Tenaga Boleh Baharu Malaysia 2022-2035, untuk sasaran kapasiti baharu, jangkaan pelaburan dalam bidang tenaga boleh baharu untuk tempoh 2021-2025 adalah RM19.93 billion, manakala bagi tempoh 2026-2035 adalah RM33.07 billion. Potensi peluang pekerjaan pula adalah sebanyak 28,416 menjelang tahun 2025 dan 46,636 menjelang tahun 2035.

9. Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) melalui agensinya, Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation (MGTC) juga telah memperkenalkan MyHijau Mark untuk mengiktiraf produk dan penyedia perkhidmatan hijau. Produk dan penyedia perkhidmatan yang diiktiraf akan disenaraikan dalam Direktori MyHijau untuk memudahkan pengguna mendapatkan senarai produk dan penyedia perkhidmatan hijau, termasuklah berkaitan tenaga boleh baharu.

NO. SOALAN: 35

10. Kerajaan menerusi Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) juga telah membangunkan *Hydrogen Economy and Technology Roadmap (HETR)* di mana 9 strategi dan 25 pelan tindakan. HETR juga akan menyokong pelaksanaan Dasar Tenaga Negara dan *roadmap* peralihan tenaga (*National Energy Transition Roadmap*).

11. Pelaksanaan strategi dan pelan tindakan adalah menjurus kepada pembangunan infrastruktur dan rangkaian nilai ekonomi hidrogen yang menjangkakan penjanaan pendapatan daripada eksport hidrogen hijau sebanyak RM 20 billion manakala pasaran domestik sebanyak RM21.2 billion (sekiranya dipacu oleh sasaran pengurangan pelepasan gas rumah kaca) menjelang tahun 2030. Nilai ini akan meningkat kepada RM409 bilion (pasaran eksport) dan RM367 billion (pasaran domestik) menjelang tahun 2050. Selain itu, dijangkakan sebanyak 44,814 peluang pekerjaan dapat diwujudkan menjelang tahun 2030 dan bilangan ini boleh meningkat kepada 211,688 pada tahun 2050.

12. Pembangunan ekosistem dan rangkaian nilai disasarkan meliputi industri bekalan elektrik, pengangkutan darat, kegunaan bukan tenaga dan haba dan pengangkutan marin. Pada ketika ini, beberapa projek kerjasama, kajian kebolehlaksanaan, pemindahan teknologi dan inovasi teknologi tempatan sedang giat dijalankan bagi menyediakan bekalan dan permintaan kepada ekonomi hidrogen. Demonstrasi projek didahului oleh negeri Sarawak dengan penggunaan 5 unit kenderaan *Hydrogen Fuel Cell vehicle (FCEV)* model Toyota MIRAI dengan peluasan *Multipurpose Refuelling Station* yang turun menyediakan pusat pengisian bahan api hidrogen. Pelaksanaan projek *pilot* untuk pusat pengisian bahan api hidrogen yang pertama di Semenanjung Malaysia juga sedang dirancang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MANNDZRI BIN NASIB
[TENGGARA]**

TARIKH : 16 OKTOBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

TUAN MANNDZRI BIN NASIB [TENGGARA] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan adakah pihak Kementerian untuk memecahkan monopoli padi dan beras yang dikuasai Padiberas Nasional Bhd (BERNAS) bagi membuka peluang kepada pemain industri terlibat bersaing untuk meningkatkan kecekapan perkhidmatan serta mampu memberi pilihan harga kepada pengguna.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa mencari inisiatif yang terbaik bagi memastikan kecekapan pengurusan beras negara mengambil kira kepentingan pelbagai pihak yang terlibat di sepanjang rantai nilai industri padi dan beras. Dasar pengimportan beras yang sedang dilaksanakan ketika ini adalah kaedah utama untuk memberikan keupayaan kepada negara bagi menghadapi cabaran ketidakstabilan harga beras antarabangsa. Ini adalah kerana dasar pengimport utama merupakan mekanisme yang berfungsi sebagai benteng untuk mengurangkan kesan ketidakpastian kedudukan pasaran antarabangsa terhadap industri padi dan beras tempatan.

Di dalam perjanjian BERNAS yang terkini, Kerajaan telah menetapkan pelaksanaan 10 obligasi oleh pihak BERNAS pada kos yang dianggarkan sebanyak RM3.216 billion. Kerajaan turut menyemak prestasi dan keberkesanan penyampaian BERNAS dalam melaksanakan tanggungjawab serta obligasi yang diamanahkan kepada mereka melalui Jawatankuasa Pemantauan KPI BERNAS sebanyak dua (2) kali setahun.

Berdasarkan kepada perkara ini, sebarang keputusan mengenai perubahan dasar pengimport utama beras ini wajib mengambil kira kebajikan dan pendapatan para pesawah, kestabilan dan jaminan bekalan makanan negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

TARIKH : 16 OKTOBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan dengan terperinci syarat-syarat kemasukan ke institusi-institusi pengajian tinggi awam, sama ada mereka mengikut meritokrasi dan bagaimana sesuatu rayuan dikendalikan apabila pemohon-pemohon tidak mendapat kursus mengikut keutamaan permohonan mereka atau mereka langsung tidak ditawarkan apa-apa kursus pengajian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kemasukan pelajar **Lepasan SPM dan STPM/Setaraf** ke Institusi Pendidikan Tinggi awam (IPTA) dan Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) berasaskan prinsip meritokrasi.
2. Prinsip meritokrasi ini mengambil kira pencapaian akademik (90%) dan pencapaian kokurikulum 10% tanpa mengira agama, bangsa, keturunan dan negeri. Manakala asas merit calon lepasan Diploma / Setaraf, adalah berasaskan 100% markah akademik.
3. Melalui UPUOnline®, pelajar bebas membuat pilihan bidang yang ingin dipelajari tinggi **namun kejayaan calon** mendapat tempat di Universiti Awam (UA) bukan hanya bergantung kepada pencapaian akademik semata-mata.
4. Sebaliknya turut bergantung kepada **kedudukan merit, memenuhi syarat am dan syarat khas yang ditetapkan dan bilangan tempat yang disediakan.**
5. Untuk sesetengah program yang kompetitif seperti undang-undang dan perubatan, **pemohon juga perlu lulus temu duga dan/atau ujian bagi program pengajian yang disyaratkan oleh institusi yang menawarkan program terbabit.**
6. **Bagi proses rayuan pula, hanya calon yang gagal mendapat tawaran UA sahaja** yang boleh membuat rayuan.
7. Dan permohonan rayuan hendaklah dibuat melalui UPUOnline® dalam **tempoh 10 hari** selepas keputusan permohonan kemasukan ke IPTA dan ILKA diumumkan.
8. Proses pemilihan rayuan adalah untuk **mengisi kekosongan tempat selepas pendaftaran pelajar baharu di Universiti Awam (UA).**

9. Semasa mengemukakan permohonan rayuan, calon dibenarkan mengemukakan **empat (4) pilihan program pengajian**. Calon-calon akan ditawarkan tempat di salah satu program pilihan yang dinyatakan dalam rayuan tersebut.

10. Sekiranya calon masih gagal mendapat tempat, mereka akan ditawarkan program di luar pilihan hanya dengan persetujuan mereka.

11. Pemilihan rayuan juga adalah berasaskan **meritokrasi** dengan mengguna pakai markah merit yang meliputi **90% markah akademik** dan **10% markah kokurikulum** bagi calon kategori STPM/ Matrikulasi/ Asasi/ STAM dan **100% markah akademik** bagi calon kategori **Diploma/Setaraf**.

12. Dalam menyelaras kemasukan pelajar ke IPTA dan ILKA, Kementerian komited memastikan kesamarataan peluang kepada calon yang layak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI HAMZAH BIN ZAINUDIN
[LARUT]**

TARIKH : 16 OKTOBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

DATO' SERI HAMZAH BIN ZAINUDIN [LARUT] minta **MENTERI
PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan:

- (a) setakat ini, selepas 10 bulan import telur dilaksanakan, berapa peratus telur tempatan sudah kembali ke pasaran dan berapa lama lagi tempoh yang diperlukan untuk memastikan bekalan telur tempatan untuk keperluan domestik mencukupi; dan
- (b) mengapa bekalan beras tempatan yang selama ini mencukupi iaitu pada kadar 65 peratus bagi kegunaan rakyat Malaysia secara tiba-tiba berdepan masalah bekalan sedangkan jumlah rakyat Malaysia kekal dan kadar pemakanan juga sama.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Pada masa ini, pengeluaran telur di ladang adalah stabil dengan jumlah pengeluaran 0.9 bilion biji hingga 1.3 bilion biji sebulan dari Januari hingga Ogos 2023, yang melebihi 12.4% keperluan penduduk Malaysia. Berdasar unjuran September hingga Disember 2023, bekalan telur adalah stabil, tertakluk kepada kes-

kes wabak penyakit yang boleh menjejaskan pengeluaran telur ayam dan faktor-faktor luar jangkaan lain.

- b) Gangguan bekalan Beras Putih Tempatan (BPT) yang berlaku kini adalah disebabkan gabungan beberapa faktor didorong oleh kenaikan harga beras putih dunia. Kenaikan harga Beras Putih Import (BPI) di pasaran dunia ini adalah disebabkan faktor luaran seperti perubahan cuaca dan iklim yang tidak menentu dan kadar pertukaran mata wang negara, ditambah dengan kesan larangan pengeksportan beras putih oleh India baru-baru ini yang menyebabkan ketidakseimbangan harga beras putih di pasaran global. Kenaikan harga BPI di peringkat global ini telah menyebabkan peralihan permintaan bagi pengguna yang sebelum ini memilih untuk membeli BPI menjadi lebih cenderung untuk memilih BPT disebabkan harganya yang lebih berpatutan.

Tambahan pula, selepas ditolak dengan permintaan BPT oleh industri, pembekal kontrak Kerajaan, agihan zakat, keperluan bagi padi benih, ketersediaan BPT yang berada di pasaran ialah dalam sekitar 40% sahaja.

Susulan hasil pemeriksaan yang dilaksanakan oleh Task Force Khas Bersepadu Operasi Beras Putih Tempatan secara bersama oleh pihak Kawalselia Padi dan Beras (KPB), Pihak Penguatkuasaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Polis Diraja Malaysia (PDRM), dan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan (MAQIS), tidak dinafikan kegiatan penyorokan beras putih tempatan oleh syarikat-syarikat yang tidak bertanggungjawab juga menjadi salah satu faktor bagi isu bekalan BPT di pasaran.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA BUNG MOKTAR
BIN RADIN [KINABATANGAN]
TARIKH : 16 OKTOBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

DATUK SERI PANGLIMA BUNG MOKTAR BIN RADIN [KINABATANGAN] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan berapa jumlah keperluan import bahan-bahan mentah pada setiap tahun oleh Kerajaan Malaysia dan berapa jumlahnya dalam Ringgit Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Secara umumnya, keperluan bekalan makanan domestik boleh dipenuhi sama ada melalui pengeluaran tempatan atau sumber import. Pada tahun 2020 jumlah import bagi kumpulan agromakanan adalah sebanyak RM55.43 bilion dan telah meningkat kepada RM63.59 bilion pada tahun 2021. Manakala nilai import agromakanan bagi tahun 2022 telah mencecah RM75.54 bilion iaitu peningkatan sebanyak 18.8% berbanding tempoh yang sama tahun 2021.

Jumlah import bagi setiap subkumpulan agromakanan tersebut bagi tahun 2022 adalah seperti berikut:

Sektor Pertanian		2022		2021	
		Kuantiti	Nilai (RM)	Kuantiti	Nilai (RM)
Jumlah Agromakanan Makanan		-	75.54 bilion	-	63.59 bilion
1	Binatang hidup (binatang ternakan) (ekor)	1.05 juta	193.81 juta	2.71 juta	275.19 juta
2	Daging dan sediaan daging (TM)	478,072.1	6.75 bilion	313,585.8	4.23 bilion
3	Hasil tenusu (TM)	423,638.1	6.26 bilion	422,160.6	4.98 bilion
4	Telur unggas (TM)	1,905.5	52.05 juta	1,818.6	26.83 juta
5	Ikan, krustasia, moluska dan sediaan (TM)	619,115.5	6.78 bilion	559,020.3	5.38 bilion
6	Bijirin dan sediaan bijirin (TM)	5.08 juta	10.86 bilion	5.02 juta	8.81 bilion
7	Sayur-sayuran (TM)	2.02 juta	6.23 bilion	1.86 juta	5.43 bilion
8	Buah-buahan (TM)	1.07 juta	5.11 bilion	1.04 juta	4.62 bilion
9	Gula, sediaan gula dan madu (TM)	2.08 juta	4.94 bilion	2.29 juta	4.63 bilion
10	Kopi, koko, teh dan rempah (TM)	813,106.2	9.97 bilion	830,489.5	9.52 bilion
11	Bahan makanan untuk ternakan (TM)	3.79 juta	9.43 bilion	3.78 juta	7.76 bilion
12	Keluaran dan sediaan makanan lain (TM)	608,803	8.98 bilion	582,643.4	7.92 bilion

NO. SOALAN : 39

Jumlah import bagi setiap subkumpulan agromakanan tersebut bagi tahun 2022 adalah seperti berikut:

1. Binatang hidup (binatang ternakan) sebanyak 1.05 juta ekor dengan nilai RM 193.81 juta pada tahun 2022 berbanding pada tahun 2021 sebanyak 2.71 juta ekor (penurunan 61.12%) dan RM 275.19 juta (penurunan 29.57%);
2. Daging dan sediaan daging sebanyak 478,072.1 tan metrik dengan nilai RM6.75 bilion pada tahun 2022 berbanding pada tahun 2021 sebanyak 313,585.8 tan metrik (peningkatan 52.45%) dan RM 4.23 bilion (peningkatan 59.71%);
3. Hasil tenusu sebanyak 423,638.1 tan metrik dengan nilai RM6.26 bilion pada tahun 2022 berbanding pada tahun 2021 sebanyak 422,160.6 tan metrik (peningkatan 0.35%) dan RM 4.98 bilion (peningkatan 25.69%);
4. Telur unggas sebanyak 1,905.5 tan metrik dengan nilai RM52.05 juta pada tahun 2022 berbanding pada tahun 2021 sebanyak 1,818.6 tan metrik (peningkatan 4.78%) dan RM 26.83 juta (peningkatan 93.99%);
5. Ikan, krustasia, moluska dan sediaan sebanyak 619,115.5 tan metrik dengan nilai RM6.78 bilion bagi tahun 2022 berbanding pada tahun 2021 sebanyak 559,020.3 tan metrik (peningkatan 10.75%) dan RM 5.38 bilion (peningkatan 25.99%);
6. Bijirin dan sediaan bijirin sebanyak 5.08 juta tan metrik dengan nilai RM10.86 bilion pada tahun 2022 berbanding pada tahun 2021 sebanyak 5.02 juta tan metrik (peningkatan 1.26%) dan RM 8.81 bilion (peningkatan 23.23%);
7. Sayur-sayuran sebanyak 2.02 juta tan metrik dengan nilai RM6.23 bilion pada tahun 2022 berbanding pada tahun 2021 sebanyak 1.86 juta tan metrik (peningkatan 8.82%) dan RM 5.43 bilion (peningkatan 14.55%);

NO. SOALAN : 39

8. Buah-buahan sebanyak 1.07 juta tan metrik dengan nilai RM5.11 bilion pada tahun 2022 berbanding pada tahun 2021 sebanyak 1.04 juta tan metrik (peningkatan 3.03%) dan RM 4.62 bilion (peningkatan 10.69%);
9. Gula, sediaan gula dan madu sebanyak 2.08 juta tan metrik dengan nilai RM4.94 pada tahun 2022 berbanding pada tahun 2021 sebanyak 2.29 juta tan metrik (penurunan 8.93%) dan RM 4.63 bilion (peningkatan 6.71%);
10. Kopi, koko, teh dan rempah sebanyak 813,106.2 tan metrik dengan nilai RM9.97 bilion berbanding pada tahun 2022 pada tahun 2021 sebanyak 830,489.5 tan metrik (penurunan 2.09%) dan RM 9.52 bilion (peningkatan 4.65%);
11. Bahan makanan untuk ternakan sebanyak 3.79 juta tan metrik RM9.43 bilion pada tahun 2022 berbanding pada tahun 2021 sebanyak 3.78 juta tan metrik (peningkatan 0.31%) dan RM 7.76 bilion (peningkatan 21.47%); dan
12. Keluaran dan sediaan makanan lain sebanyak 608,803 tan metrik RM8.98 bilion pada tahun 2022 berbanding pada tahun 2021 sebanyak 582,643.4 tan metrik (peningkatan 4.49%) dan RM 7.92 bilion (peningkatan 13.36%).

Secara keseluruhannya, peningkatan dalam nilai import kumpulan agromakanan khususnya bagi komoditi daging dan sediaan daging, hasil tenusu, telur unggas, gula dan sediaan gula serta makanan untuk ternakan adalah disebabkan berlaku pertambahan kuantiti serta disumbang oleh inflasi di peringkat global dan pengukuhan Dolar Amerika Syarikat berbanding Ringgit Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LO SU FUI [TAWAU]

TARIKH : 16 OKTOBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

**Tuan Lo Su Fui [Tawau] minta MENTERI SUMBER ASLI, ALAM
SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM menyatakan :-**

- a) Status dan jangkaan projek pembinaan Loji Cinta Mata 2 ini boleh disiapkan sepenuhnya; dan
- b) Jaminan untuk menurunkan segera bajet pelaksanaan Loji Rawatan Air Cinta Mata 2 yang dijangka boleh menampung keperluan air hampir 500 ribu penduduk Tawau.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Pembinaan Loji Rawatan Air (LRA) Cinta Mata 2 sedang dalam proses memuktamadkan skop kerja mengikut kos siling asal. Surat Setuju Terima (SST) projek ini dijadualkan keluar pada Januari 2025, dan dijangka siap sepenuhnya pada Januari 2028.

2. Rekabentuk Konsep projek ini telah dibentangkan pada 2 Oktober 2023 dan telah diluluskan dalam mesyuarat jawatankuasa rekabentuk Jabatan Air Negeri Sabah (JANS) untuk diteruskan bagi tujuan Makmal Pengurusan Nilai.

3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bajet pelaksanaan Projek LRA Cinta Mata 2 akan dimuktamadkan menerusi penilaian Makmal Pengurusan Nilai yang dijangka diadakan pada Mei 2024. Penilaian semasa makmal ini akan mengenal pasti dan memuktamadkan skop dan kos bagi mencapai *value for money*.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DR. RADZI JIDIN [PUTRAJAYA]

TARIKH : 16 OKTOBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

DR. RADZI JIDIN [PUTRAJAYA] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan perancangan bagi memantapkan pasaran pekerjaan di Malaysia bagi memastikan akan ada pekerjaan yang berkualiti dan berpendapatan tinggi untuk graduan serta terdapat kumpulan pekerja berkemahiran secukupnya bagi mengelakkan penutupan lebih banyak kilang seperti kilang Panasonic baru-baru ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Pelbagai program telah dirancang dan dilaksanakan bertujuan bagi memantapkan pasaran pekerjaan dari mengurangkan kadar pengangguran di Malaysia. Antaranya adalah menerusi **pelbagai program *reskilling* dan *upskilling* berteraskan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET)** dan pelbagai disiplin cabang pekerjaan yang dilaksanakan oleh Kementerian Sumber Manusia menerusi agensi di bawahnya seperti Jabatan Tenaga Manusia, Jabatan Pembangunan Kemahiran, Pembangunan Sumber Manusia Berhad, PERKESO. Agensi-agensi ini menawarkan program latihan kemahiran meliputi aspek teori dan praktikal mencakupi pelbagai bidang yang bersesuaian dengan permintaan industri semasa.

2. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, program-program TVET yang berkualiti tinggi telah disediakan dengan menggalakkan penyertaan syarikat-syarikat dalam program **Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN)**. program ini menerapkan **70 peratus latihan di tempat kerja** dan **30 peratus di institusi latihan** bertujuan membolehkan industri mendapat tenaga kerja mahir yang lebih berkualiti dan kompetitif.

3. Selain itu, kerjasama antara Jabatan Pembangunan Kemahiran dan Malaysian Productivity Corporation untuk melancarkan program Academy In Industri bertujuan memperkukuhkan produktiviti pekerja dan menghasilkan pekerja yang berdaya saing. Program ini melibatkan pelaksanaan latihan sepenuhnya di dalam industri dengan komponen teori dan praktikal yang mencorakkan pekerja dengan kebolehan kerja sebenar di lapangan. Hingga kini, kolaborasi ini telah melibatkan 47 industri dalam pelbagai sektor yang terlibat dalam melatih sejumlah 1,870 bakat. Melalui inisiatif ini, Malaysia berusaha untuk membentuk pasaran pekerjaan yang dinamik, di mana pekerja dan graduan dilengkapi dengan kemahiran relevan, digital, dan produktif, menjadikan negara ini lebih kompetitif dan lebih efisien dalam menghadapi cabaran ekonomi global yang berubah.

4. Kementerian Sumber Manusia juga telah menyediakan **platform MYFutureJobs**, mengadakan beberapa program seperti **Program Karnival Kerjaya** di seluruh negara dan **Program Bina Kerjaya Pekerja Informal Gig Riders** serta jalinan kerjasama bersama Kementerian Belia Dan Sukan untuk memperkasa **Program Perantisan** kepada golongan belia yang dilaksanakan melalui PERKESO bagi menggalakkan penyertaan tenaga kerja di kalangan belia. Setakat ini, Januari hingga 5 Oktober 2023, jumlah penempatan pekerjaan adalah sebanyak 170,502 individu berjaya mendapat penempatan pekerjaan.

5. Selain itu, Kerajaan turut memberi fokus terhadap **pembangunan kebolehpasaran dan kebolehkerjaan bakat muda negara** melalui sinergi dan kerjasama merentasi kementerian, jabatan, agensi Kerajaan, pemain industri dan institusi pengajian tinggi awam/ swasta serta teknikal menerusi **Platform pemprofilan Mynext, Program Latihan Industri Berstruktur Nasional (National Structured Internship Programme – MySIP, Kolaborasi Industri-Akademia (*Industry-Academia Collaboration*) dan Young Employable Students (YES)** yang dilaksanakan oleh TalentCorp.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN RIDUAN BIN RUBIN [TENOM]

TARIKH : 16 OKTOBER 202 (ISNIN)

SOALAN

TUAN RIDUAN BIN RUBIN [TENOM] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah mekanisma pelaksanaan, teknologi dan varieti padi yang akan digunakan oleh pihak Kementerian untuk membuka ladang padi berskala besar di Sabah dan sejauh manakah komitmen Kementerian untuk menjayakannya.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sedang giat memperluas pelaksanaan Program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) di seluruh negara termasuk negeri Sabah dalam usaha meningkatkan hasil padi seterusnya mengatasi kekurangan bekalan beras tempatan. Antara isu yang diberi perhatian khusus adalah berkaitan pertukaran tanah sawah kepada penanaman lain dan masalah pengairan yang kurang sesuai yang menyebabkan pesawah beralih ke tanaman selain padi.

Justeru, sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, KPKM telah memperkenalkan satu model baharu di bawah Program SMART SBB yang dikenali sebagai “Program SMART SBB Mini Sekinchan”. Melalui adaptasi model baharu ini, penggunaan teknologi penanaman padi di Sekinchan, Selangor bakal diperluaskan ke seluruh negara. Ia dijangka mampu melonjakkan peningkatan hasil padi ke tahap yang lebih baik dalam mengurangkan kebergantungan kepada import beras seterusnya dapat membantu meningkatkan pengeluaran beras tempatan. Pada masa ini, projek tersebut telah dilaksanakan secara rintis di Kampung Lat 1000, Perlis; Jertih, Terengganu; dan Kampung Tok Mengkula, Kedah. Dari segi pencapaian, projek ini terbukti berjaya meningkatkan hasil pengeluaran padi daripada 7 tan metrik per hektar kepada 10.45 tan metrik per hektar di Kg. Lat 1000, Perlis di bawah seliaan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA).

Dalam hal ini, cadangan penanaman padi secara skala besar di Sabah dilihat dapat mengoptimumkan penggunaan tanah bagi pelaksanaan penanaman padi secara berskala besar melalui penggunaan teknologi terkini dan komitmen berterusan daripada golongan sasar termasuklah pesawah, pemain industri, usahawan tani dan semua agensi di bawah Kerajaan. KPKM dan Kementerian Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan Sabah (MAFFI) juga

NO. SOALAN : 42

sedang bekerjasama dalam usaha membawa masuk varieti baharu benih padi MR 297 dan MRQ 74 dari Semenanjung. Kemasukan dua (2) varieti benih yang berkualiti tinggi serta rintang kepada penyakit dan makhluk perosak mampu meningkatkan hasil padi sekaligus meningkatkan pendapatan pesawah tempatan.

Sebagai rekod, melalui Program SMART SBB di bawah seliaan BERNAS sebagai syarikat peneraju, Daerah Kota Belud, Sabah telah mencatatkan purata hasil padi sebanyak 3.36 tan metrik pada musim utama 2021/2022 dan sebanyak 3.82 tan metrik pada luar musim 2021. Purata hasil padi juga telah berjaya ditingkatkan daripada 2.6 tan metrik kepada 4.15 tan metrik sehektar. Secara keseluruhan, pulangan bersih hasil tuaian sawah adalah sekitar RM6,000 semusim berbanding RM2,000 semusim sebelum ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD
[BAGAN SERAI]**

TARIKH : 16 OKTOBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

DATUK HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD [BAGAN SERAI] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan adakah Program Peningkatan Pendapatan (PPP) di bawah seliaan pihak Kementerian diteruskan pada pentadbiran Kerajaan Persekutuan kali ini memandangkan ia menyasarkan kumpulan B40 yang tinggal di luar bandar untuk meningkatkan pendapatan semasa mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Program Peningkatan Pendapatan (PPP) yang dilaksanakan oleh Kementerian masih lagi diteruskan dalam Rancangan Malaysia ke-12. Bagi tahun 2023, sebanyak RM12 juta di peruntukkan di bawah program bantuan ini. Sehingga kini, seramai 1,202 peserta telah menerima bantuan di bawah program ini melalui pelbagai aktiviti ekonomi yang berupaya menambah pendapatan golongan sasar miskin tegar, miskin dan B40 di luar bandar.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI TUAN IBRAHIM BIN TUAN MAN
[KUBANG KERIAN]**

TARIKH : 16 OKTOBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian] minta MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM menyatakan jumlah pembiayaan Kerajaan Persekutuan mengikut negeri bagi projek sumber air negeri sejak perjanjian migrasi dimuktamadkan sehingga Jun 2023.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebanyak sepuluh (10) negeri telah menandatangani perjanjian Penstrukturan Semula Industri Perkhidmatan Bekalan Air. Penstrukturan ini membolehkan kerajaan negeri mendapat akses kepada pembiayaan secara geran bagi tujuan pembangunan projek-projek sumber air seperti empangan, takungan air pinggiran sungai (TAPS) dan baraj.

2. Perincian pembiayaan Kerajaan Persekutuan bagi projek sumber air kepada negeri-negeri sejak perjanjian migrasi dimuktamadkan sehingga Jun 2023 adalah seperti berikut:

Bil	Negeri	Jumlah Pembiayaan (RM)
1.	Melaka	1.3 bilion
2.	Negeri Sembilan	2.8 bilion
3.	Johor	961.8 juta
4.	Pulau Pinang	1.9 bilion
5.	Perak	1.2 bilion
6.	Kelantan	1.67 bilion
7.	Selangor	2.67 bilion
8.	Perlis	329.9 juta
9.	Pahang	1.72 bilion
10.	Kedah	3.13 bilion

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB PUAN YEO BEE YIN [PUCHONG]

TARIKH : 16 OKTOBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

YB PUAN YEO BEE YIN [PUCHONG] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan jumlah permohonan dan kelulusan Malaysia My Second Home (MM2H) dan Premium Visa Program (PVIP) sejak Kementerian mengambil alih/mewujudkan penyelarasan program-program ini. Apakah status terkini penyemakan semula syarat-syarat MM2H dan PVIP.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program Malaysia *My Second Home* (MM2H) semasa di bawah seliaan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), bagi tempoh November 2021 sehingga 30 September 2023 telah merekodkan sejumlah 2,164 permohonan yang diterima. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 1,905 permohonan telah diluluskan. Di samping itu, bagi menjadikan Program MM2H lebih menarik dan berdaya saing, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) bersama-sama Kementerian Dalam Negeri (KDN) akan sentiasa menyemak semula syarat-syarat sedia ada program ini.

Manakala, bagi Premium Visa Program (PVIP), ia adalah di bawah bidang kuasa dan pemantauan KDN dan JIM. Justeru itu, berdasarkan rekod JIM, sejak bermulanya PVIP pada 1 Oktober 2022 sehingga 30 September 2023, sebanyak 57 permohonan telah diproses di mana 28 permohonan telah diluluskan dan 29 permohonan telah diperakukan untuk kelulusan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. ABD GHANI BIN AHMAD [JERLUN]

TARIKH : 16 OKTOBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

DR. ABD GHANI BIN AHMAD [JERLUN] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan langkah segera dan strategi yang berkesan dalam membantu mangsa yang ditimpa musibah ribut taufan dan angin kuat yang merosakkan rumah kediaman agar rumah kediaman mereka dibaikpulih dalam tempoh yang singkat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) sentiasa komited untuk memastikan kesejahteraan masyarakat di desa dan luar bandar sentiasa ditingkatkan termasuklah bagi memastikan golongan sasar dapat menikmati kediaman yang selamat dan selesa.

Kementerian juga turut responsif terhadap mangsa bencana yang memerlukan bantuan segera khususnya daripada kumpulan sasar miskin tegar dan miskin. Dalam hal ini, Kementerian akan mengadakan penyelarasan dengan agensi Kerajaan yang lain seperti Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU, JPM), NADMA dan Pejabat Daerah / Pusat Kawalan Operasi Bencana Daerah (PKOB) bagi sebarang bantuan kepada mangsa bencana khususnya berkaitan pembinaan dan pembaikan rumah. Pejabat KKDW Negeri dan agensi-agensi di bawah Kementerian turut digerakkan ke lapangan untuk membuat penilaian awal impak bencana.

Namun begitu, Kementerian tiada peruntukan khusus untuk menangani bencana besar. Sumber peruntukan untuk bantuan bencana masih lagi menggunakan peruntukan pembangunan sedia ada dalam tahun semasa. Oleh yang demikian, bantuan hanya dapat diberikan kepada mangsa bencana yang berskala kecil sahaja dan penerima bantuan masih tertakluk kepada syarat kelayakan yang ditetapkan. Kementerian juga akan memastikan keutamaan bantuan untuk mangsa yang terkesan dan memantau proses pelaksanaan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN RUSHDAN BIN RUSMI [PADANG
BESAR]**

TARIKH : 16 OKTOBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

Tuan Rushdan bin Rusmi [Padang Besar] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah strategi atau langkah Kerajaan untuk meningkatkan pembangunan dan pertumbuhan KDNK negeri seperti Kelantan, Perlis dan beberapa negeri lagi yang dikira kurang maju supaya kemakmuran dapat dinikmati bersama dan peluang pekerjaan yang memberikan pendapatan tinggi dapat diadakan di negeri-negeri tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Usaha untuk merapatkan jurang pembangunan antara wilayah dan negeri adalah usaha berterusan yang sentiasa akan menjadi keutamaan Kerajaan selagi mana kesenjangan wilayah ini masih berlaku. Oleh itu, Kerajaan melalui Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas (KSP RMKe-12) akan terus memberi tumpuan kepada usaha untuk meningkatkan keseimbangan dan keterangkuman wilayah dalam memastikan pengagihan faedah sosioekonomi yang lebih meluas

kepada semua rakyat di pelbagai peringkat lapisan masyarakat dan kedudukan geografi.

Dalam hubungan ini, Kerajaan terus komited untuk memberi keutamaan dalam pengagihan peruntukan pembangunan (DE) asas kepada negeri-negeri kurang membangun termasuk Kelantan, Terengganu, Perlis, Kedah, Sabah dan Sarawak seperti mana yang digariskan dalam Strategi A2, Bidang Fokus A, Bab 5 KSP RMKe-12. Peruntukan pembangunan yang lebih tinggi ini akan meningkatkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negeri-negeri terbabit melalui komponen perbelanjaan Kerajaan dan seterusnya menggalakkan aktiviti ekonomi pihak swasta di negeri-negeri kurang membangun dalam usaha untuk merapatkan jurang pembangunan ini.

Selain itu, Strategi A1, Bidang Fokus A, Bab 5, KSP RMKe-12 juga memberi penekanan supaya agensi pembangunan wilayah pada peringkat Persekutuan dan negeri bekerjasama dengan lebih erat untuk mengenal pasti keutamaan pembangunan dengan memanfaatkan kekuatan, keunikan dan ketersediaan sumber di setiap wilayah. Dalam masa yang sama, usaha dalam menggalakkan penggunaan teknologi termaju dalam aktiviti hulu dan hilir akan diteruskan. Manakala projek-projek berimpak tinggi di wilayah pembangunan koridor akan dipergiatkan dan pakej insentif bagi menarik pelaburan khususnya di kawasan kurang membangun akan ditambah baik.

Usaha-usaha ini bukan sahaja dapat meningkatkan peluang pekerjaan dengan pendapatan yang lebih tinggi, tetapi juga membuka peluang keusahawanan dan seterusnya mengurangkan jurang pendapatan antara wilayah. Oleh yang demikian, kerjasama erat dengan kerajaan-kerajaan negeri adalah amat diperlukan dalam memastikan projek-projek Kerajaan Persekutuan yang telah diluluskan dapat dilaksanakan dengan lancar dan berkesan di peringkat negeri untuk kepentingan rakyat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI YUSUF BIN ABD. WAHAB
[TANJONG MANIS]**

TARIKH : 16 OKTOBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

TUAN HAJI YUSUF BIN ABD. WAHAB [TANJONG MANIS] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah bantuan yang dirancangkan untuk membantu pesawah padi yang terjejas akibat tanaman padi yang rosak kerana tercemar oleh air laut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menyediakan bantuan kepada pesawah yang mengalami kemerosotan pengeluaran padi di luar jangka melalui Tabung Bencana Tanaman Padi (TBTP). Bantuan khusus yang disalurkan kepada pesawah dan pengusaha padi di bawah Tabung TBTP dinilai berdasarkan pelbagai faktor seperti serangan penyakit, bencana alam dan lain-lain faktor yang tidak dapat dielakkan. Kategori bencana juga boleh ditakrifkan seperti berikut:

- i. Kejadian bencana alam yang bukan berada dalam kawalan manusia:
 - a) Banjir besar atau bertakung akibat taburan hujan yang luar biasa dalam tempoh yang lama atau singkat, kejadian air pasang besar, pelepasan air dari empangan dan lain-lain;

- b) Ribut;
 - c) Gempa bumi;
 - d) Tsunami;
 - e) Perubahan iklim seperti fenomena El-Nino dan La-Nina;
 - f) Ombak besar;
 - g) Kemarau; dan
 - h) Tanah runtuh.
- ii. Kejadian empangan atau takungan air pecah;
- iii. Serangan makhluk perosak atau penyakit tanaman padi yang bukan disebabkan oleh kecuaiian manusia; dan
- iv. Lain-lain kejadian bencana yang difikirkan sesuai dan layak yang tidak tersenarai dalam Perkara i hingga iii, boleh dipertimbangkan dan dipersetujui oleh Jawatankuasa Induk TBTP.

Berkaitan pesawah padi yang terjejas akibat pencemaran air laut ke dalam petak sawah, pesawah boleh membuat permohonan kepada Jabatan Pertanian Negeri masing-masing dan siasatan akan dilaksanakan oleh Jawatankuasa Teknikal sebelum dikemukakan kepada pihak Kementerian untuk kelulusan. Bagi mengatasi hal ini, KPKM juga sedang meneroka potensi keberhasilan tanaman padi air masin dalam usaha meningkatkan pengeluaran beras negara di mana satu perbincangan telah dibuat bersama pakar dari China bagi mendapatkan pandangan dan penggunaan teknologi yang bersesuaian dengan keperluan di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' MOHD ISAM BIN MOHD ISA
[TAMPIN]**

TARIKH : 16 OKTOBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

DATO' MOHD ISAM BIN MOHD ISA [TAMPIN] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan pelan tindakan terhadap tanaman bawang ekoran India mengenakan cukai eksport sebanyak 40 peratus terhadap bahan berkenaan yang memberi kesan langsung kepada pasaran tempatan dan rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Pada masa ini, Malaysia bergantung sepenuhnya kepada sumber import bawang berikutan kos pengeluaran yang tidak ekonomik dan ketiadaan benih keluaran tempatan. Berdasarkan data statistik import bawang tahun 2022, Malaysia mengimport bawang sebanyak 687,738.79 tan metrik dengan nilai RM1,587,882,441 daripada 20 buah negara. Jumlah import yang tertinggi adalah dari India iaitu 327, 001.73 tan metrik (47.6%).

Bagi pelan jangka pendek, Malaysia akan meneruskan import bawang dari Belanda, China, Pakistan dan Thailand sekiranya negara India masih mengenakan duti import yang tinggi.

NO. SOALAN : 49

Bagi pelan jangka panjang, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) telah memulakan penyelidikan pada tahun 2021 melalui pendekatan pembiakbakaan, agronomi, pengurusan perosak dan penyakit, pengendalian lepas tuai dan mekanisasi pertanian.

Hasil daripada penyelidikan tersebut, MARDI telah melancarkan tiga varieti bawang merah pada 27 September 2023, iaitu varieti bawang BAW-1, BAW-2 dan BAW-3. Tempoh pengeluaran hasil adalah dari 55 hingga 65 hari lepas tanam (HLT).

Sebagai usaha memperkasakan kapasiti serta menggalakkan penglibatan usahawantani dalam penanaman bawang merah ini, MARDI telah menjalankan kursus teori dan *hands on* bagi penggunaan teknologi pengeluaran bawang merah serta pengeluaran benih secara besar-besaran di Serdang dan Bachok. Usaha-usaha ini diharap dapat memastikan penanaman bawang merah yang berterusan dan sekali gus mengurangkan kebergantungan kepada import.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB PUAN ISNARAISSAH MUNIRAH BINTI
MAJILIS (KOTA BELUD)**

TARIKH : 16 OKTOBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

**PUAN ISNARAISSAH MUNIRAH BINTI MAJILIS [KOTA BELUD] minta
MENTERI KERJA RAYA menyatakan :-**

(a) jumlah (bilangan, jenis dan nilai) projek pembangunan di bawah RM50 juta yang diberikan kuasa pelaksanaan kepada pentadbiran Sabah bagi tahun 2023; dan

(b) sehingga kini, berapa peratus projek yang telah dimulakan

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan pemberian projek – projek yang bernilai di bawah RM50 juta kepada Jabatan Teknikal bagi Negeri Sabah dan Sarawak iaitu Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Pengairan dan Saliran berdasarkan Garis Panduan Pelaksanaan Perolehan Kerja Projek Pembangunan Persekutuan yang dilaksanakan oleh Jabatan Teknik Negeri Sabah dan Sarawak. Garis panduan ini telah dikuatkuasakan di semua Kementerian Kerajaan Persekutuan mulai 1 Mac 2023. Garis Panduan ini mengiktiraf Jabatan Teknikal di Negeri Sabah iaitu Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Sabah sebagai Agensi Teknikal untuk melaksanakan projek – projek Pembangunan di Negeri Sabah yang siling projeknya bernilai di bawah RM50 juta. Pengiktirafan ini membolehkan kedua - dua jabatan teknikal tersebut melaksanakan sendiri projek – projek kerajaan Persekutuan yang diluluskan kepada Negeri Sabah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sehingga tahun 2023, sebanyak 30 projek infrastruktur jambatan dan cerun yang bernilai di bawah RM50 juta telah diluluskan bagi Negeri Sabah oleh Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Kerja Raya. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 11 projek jambatan yang terdiri daripada tujuh (7) projek di bawah Program Penggantian Jambatan yang melibatkan *axle load*, sempit dan uzur di beberapa jajaran Jalan Persekutuan, satu (1) projek menaiktaraf jambatan dan tiga (3) projek menukarkan pembentung kepada jambatan kekal.

Status terkini bagi 11 projek jambatan ini adalah empat (4) projek sedang di peringkat awalan dan rekabentuk, dua (2) projek sedang dalam proses perolehan dan lima (5) sedang dalam pelaksanaan.

Manakala baki 19 projek yang diluluskan adalah merupakan projek pembaikan dan pembinaan semula cerun bagi jalan persekutuan di negeri Sabah. Kesemua projek yang telah diluluskan ini, setiap satunya bernilai antara RM5 juta hingga RM30 juta. Sehingga September 2023, status terkini bagi 19 projek cerun ini adalah sebanyak empat (4) buah projek sedang dalam pelaksanaan manakala tiga (3) buah projek sedang di peringkat perolehan dan rekabentuk. Selebihnya 12 buah projek telah pun disiapkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI UTAMA HASNI MOHAMMAD
[SIMPANG RENGAM]**

TARIKH : 16 OKTOBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

DATUK SERI UTAMA HASNI MOHAMMAD [SIMPANG RENGAM] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan langkah-langkah yang sedang dan akan diambil Kerajaan bagi mengimbangi *energy trilemma* iaitu *sustainability, energy security dan affordability* dalam menjayakan *National Energy Transition Roadmap (NETR)*.

JAWAPAN

YB TUAN RAFIZI RAMLI, MENTERI EKONOMI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telah melancarkan Dasar Tenaga Negara, 2022-2040 (DTN) pada 21 September 2022 bagi memandu hala tuju strategik sektor tenaga sebagai pemangkin pembangunan sosioekonomi negara. DTN telah dijayakan dengan Matlamat 7 (SDG7) Agenda Pembangunan Mampan iaitu Memastikan Akses kepada Tenaga yang Mampu Dimiliki, Mampan dan Moden untuk Semua.

Lanjutan itu, Kementerian Ekonomi telah membangunkan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga (*National Energy Transition Roadmap* -

NETR) bermatlamat untuk mengenal pasti peluang pelaburan dalam enam teras peralihan tenaga, iaitu kecekapan tenaga, tenaga boleh baharu (TBB), hidrogen, biotenaga, mobiliti hijau serta pemerangkapan dan penyimpanan karbon. 10 projek dan inisiatif *flagship* telah dikenal pasti tersedia untuk dilaksanakan.

Pengurusan peralihan tenaga yang berkesan memerlukan pendekatan yang dapat mengimbangi trilema tenaga iaitu jaminan bekalan, kemampuan untuk membayar dan kelestarian alam sekitar. Oleh itu, *NETR* menekankan kepentingan pendekatan keseluruhan negara (*whole-of-nation*) melibatkan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, industri, masyarakat awam dan komuniti antarabangsa. Ini bagi memastikan peralihan tenaga yang saksama, melindungi rakyat, mencipta peluang dan menyokong inovasi.

Oleh itu, pemantauan pelaksanaan *NETR* akan dilaksanakan melalui Majlis Tenaga Negara (MTN) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri. MTN akan mengemudi hala tuju sektor tenaga negara dan memastikan kebertanggungjawaban dan kepemilikan yang kukuh oleh pelbagai kementerian dan agensi pelaksana dalam melaksanakan inisiatif *NETR*. Semua projek dan inisiatif *NETR* akan dilaksanakan secara sinergi berpandukan dasar dan hala tuju peneraju yang terdiri daripada kementerian, agensi dan sektor swasta. Manakala inisiatif yang melibatkan implikasi kewangan kepada Kerajaan akan diperhalusi bagi meneliti impak kepada kedudukan fiskal negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI AHMAD MARZUK BIN SHAARY
[PENGKALAN CHEPA]**

TARIKH : 16 OKTOBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

Datuk Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan dapatan terperinci jawatankuasa induk peringkat pusat yang diwujudkan oleh Kerajaan bagi menyelaraskan standard operasi dan tatakelola sektor perlombongan mineral khususnya nadir bumi atau Non-Radioactive Rare Earth Element (NRREE).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, tiada sebarang penubuhan jawatankuasa induk diperingkat pusat yang diwujudkan oleh Kerajaan bagi menyelaraskan standard operasi dan tatakelola sektor perlombongan mineral khususnya nadir bumi atau *Non-Radioactive Rare Earth Element* (NR-REE). Walau bagaimanapun, Kerajaan mempunyai platform-platform tertentu bagi membincangkan mengenai hal ehwal dasar dan operasi industri mineral termasuk NR-REE antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri seperti berikut:

- a. Majlis Tanah Negara (MTN) – MTN merupakan platform tertinggi bagi membincangkan isu-isu berkaitan pengurusan tanah termasuk perkara-perkara berkaitan pengurusan sumber mineral;
- b. Majlis Mineral Negara (MMN) – MMN merupakan platform utama yang membincangkan berkenaan isu-isu dasar dan operasi berkaitan pembangunan industri mineral negara. Mesyuarat MMN 2 yang telah diadakan pada 8 Mei 2023 turut membincangkan mengenai SOP Perlombongan NR-REE di Malaysia. Seperti mana peruntukan Perkara 91 Perlembagaan Persekutuan, segala syor yang diputuskan diperingkat Majlis Mineral Negara (MMN) khususnya berkaitan dasar dan perundangan perlu dibawa ke peringkat MTN bagi mendapatkan pengesahan dan persetujuan; dan
- c. Jawatankuasa Penyelarasan Pembangunan Industri Mineral (JKPPIM) – Jawatankuasa ini telah ditubuhkan melalui keputusan dalam Mesyuarat Majlis Mineral Negara Kedua (MMN 2). Ia berperanan untuk memperincikan isu industri mineral negara serta membantu mempercepatkan proses pembuatan keputusan. Susulan daripada keputusan MMN 2 yang meluluskan SOP ini secara prinsip, mesyuarat JKPPIM yang pertama pada 2 Oktober 2023 telah bersetuju supaya dokumen

NO. SOALAN: 52

Prosedur Operasi Standard (SOP) perlombongan NR-REE di Malaysia diedarkan kepada negeri-negeri bagi tujuan pemakaian mengikut perundangan di negeri masing-masing.

2. Kesemua platform-platform ini merupakan inisiatif Kerajaan dalam menyelaraskan perkara-perkara berkaitan industri mineral termasuk bagi industri NR-REE di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN CHOW YU HUI
[RAUB]**

TARIKH : 16 OKTOBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

Minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan bilangan kemasukan pelajar Kolej Matrikulasi ke universiti awam berdasarkan pecahan universiti dan kaum (iaitu Melayu, Cina, India, Bumiputera bukan Melayu Semenanjung, Bumiputera Sabah, Bumiputera Sarawak dan lain-lain) dari tahun 2019 hingga 2023, termasuk sesi akademik 2023/2024.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan sistem MyMohes di KPT, pecahan kemasukan keseluruhan pelajar (**iaitu seramai 16,912 pelajar**) bagi sesi akademik 1 2022/2023 ke peringkat ijazah pertama di Universiti Awam (UA) dengan menggunakan **kelayakan Matrikulasi** adalah seperti berikut:

- a. **17.3% kemasukan Bumiputera** ke ijazah pertama adalah daripada lepasan matrikulasi.
- b. **15.5% kemasukan Bukan Bumiputera** ke ijazah pertama adalah daripada lepasan matrikulasi.

2. Bagi tahun 2019 sehingga 2022, kemasukan pelajar ke UA berdasarkan **kelayakan Matrikulasi** adalah seperti berikut:

- a. Bagi keseluruhan kemasukan pelajar **Bumiputera** ke UA, sebanyak 22.5% kemasukan Bumiputera adalah daripada lepasan matrikulasi bagi tahun 2019, 22.6% bagi tahun 2020, 19.6% bagi tahun 2021 dan 17.3% bagi tahun 2022.
- b. Bagi keseluruhan kemasukan pelajar **Bukan Bumiputera** ke UA, sebanyak 21.9% kemasukan Bukan Bumiputera adalah daripada lepasan matrikulasi bagi tahun 2019, 13.3% bagi tahun 2020, 12.0% bagi tahun 2021 dan 15.5% bagi tahun 2022.

3. Bagi keseluruhan kemasukan pelajar ijazah pertama bagi sesi akademik 1 2022/2023 (iaitu seramai **22,632**) dengan menggunakan **kelayakan STPM / Setaraf** pula;

- a. **18.3%** kemasukan Bumiputera adalah menggunakan kelayakan STPM.
- b. **56.9%** kemasukan Bukan Bumiputera adalah menggunakan kelayakan STPM

4. Bagi tahun 2019 sehingga 2022, kemasukan pelajar ke UA menggunakan **kelayakan STPM/ Setaraf** adalah seperti berikut:

- a. Bagi keseluruhan kemasukan pelajar Bumiputera ke UA, sebanyak 23.3% kemasukan Bumiputera adalah daripada lepasan STPM/ Setaraf bagi tahun 2019, 19.0% bagi tahun 2020, 15.6% bagi tahun 2021 dan 18.3% bagi tahun 2022.
- b. Bagi keseluruhan kemasukan pelajar Bukan Bumiputera ke UA, sebanyak 56.0% kemasukan Bukan Bumiputera adalah dengan lulusan STPM/ Setaraf bagi tahun 2019, 55.4% bagi tahun 2020, 41.7% bagi tahun 2021 dan 56.9% bagi tahun 2022.

5. Bagi sesi 1 2023/2024, data masih belum dapat dibentangkan disebabkan para pelajar universiti masih dalam proses pendaftaran.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' RAMANAN RAMAKRISHNAN
(SUNGAI BULOH)**

TARIKH : 16 OKTOBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

DATO' RAMANAN RAMAKRISHNAN [SUNGAI BULOH] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah langkah perancangan dan peruntukan untuk menaik taraf secara keseluruhan Jalan Persekutuan FT54 dari persimpangan Stesen KTM Sungai Buloh hingga ke simpang Penjara Sungai Buloh.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini mengambil berat dan sentiasa prihatin akan masalah pengguna jalan raya di negara ini.

Berdasarkan semakan Kementerian ini mendapati tiada permohonan diterima bagi cadangan menaik taraf Jalan Persekutuan FT54 dari persimpangan Stesen KTM Sungai Buloh hingga ke simpang Penjara Sungai Buloh pada tempoh *Rolling Plan* 1 hingga *Rolling Plan* 4, Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, prosedur bagi permohonan projek membina jalan baharu atau menaiktaraf Jalan Persekutuan sedia ada adalah melalui Kerajaan Negeri berdasarkan senarai keutamaan negeri yang dikemukakan kepada Kementerian ini melalui penyelarasan antara Unit Perancang Ekonomi Negeri dan Jabatan Kerja Raya Negeri. Sehubungan itu, disyorkan supaya Ahli Yang Berhormat mengemukakan cadangan projek tersebut kepada pihak Kerajaan Negeri melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor atau JKR Negeri Selangor untuk dimasukkan dalam senarai keutamaan Negeri dalam *Rolling Plan* (RP) yang akan datang.

Kementerian ini akan meneliti cadangan projek ini apabila dimohon oleh Kerajaan Negeri berdasarkan senarai keutamaan Negeri pada masa yang akan datang dan akan diberi pertimbangan yang sewajarnya untuk diangkat kepada Agensi Pusat jika memenuhi keperluan teknikal untuk dilaksanakan, tertakluk kepada agihan peruntukan pembangunan kepada Kementerian ini. Berdasarkan maklumat yang diterangkan tadi, Kementerian ini sentiasa terbuka untuk menerima syor atau cadangan daripada Kerajaan Negeri untuk menaik taraf berdasarkan senarai keutamaan daripada Negeri. Sekian terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM
[PASIR GUDANG]**

TARIKH : 16 OKTOBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM [PASIR GUDANG] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan makanan memberi penjelasan adakah Kementerian bercadang untuk menambah bilangan AP kepada pengimport beras import bagi mengatasi masalah bekalan beras dalam negara sekarang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebarang cadangan untuk menambah bilangan *Approved Permit* (AP) kepada pengimport beras import perlu dibincangkan secara bersama dengan Kementerian Kewangan, Kementerian Ekonomi, dan Jabatan Perdana Menteri. Sebagai konteks, sebelum tahun 1974, tugas pengimportan beras dibuka kepada syarikat-syarikat swasta. Namun apabila krisis beras dunia berlaku pada tahun 1972 dimana harga beras dunia meningkat, pengimport-pengimport swasta ini enggan mengimport beras kerana mereka terpaksa menanggung kerugian. Mengambil iktibar daripada peristiwa krisis beras tersebut, pemberian pengimportan beras kepada satu entiti tunggal telah dilaksanakan.

Model penswastaan Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) adalah bersifat "*cross-subsidy*," di mana keuntungan import digunapakai untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan oleh Kerajaan. Di dalam perjanjian BERNAS terkini, Kerajaan telah menetapkan supaya BERNAS melaksanakan 10 obligasi bagi pihak Kerajaan dengan kos yang dianggarkan sebanyak RM3.216 bilion. Kerajaan turut menyemak prestasi dan keberkesanan penyampaian BERNAS dalam melaksanakan tanggungjawab serta obligasi yang diamanahkan kepada mereka melalui Jawatankuasa Pemantauan KPI BERNAS sebanyak dua (2) kali setahun.

Berdasarkan kepada perkara ini, sebarang keputusan mengenai perubahan dasar pengimport utama beras ini wajib mengambil kira kebajikan dan pendapatan para pesawah, kestabilan dan jaminan bekalan makanan negara.

Sekian, terima kasih.